Siri Motivasi 15 Minit

MENGURUS RISIKO KEWANGAN



ANNUAR SALLEH

Mengurus Risiko kewangan

ANNUAR SALLEH

Abstract

Objektif puncak dalam perancangan kewangan adalah mencapai kebebasan kewangan dan memastikan pendapatan sentiasa mencukupi walaupun ketika ditimpa kematian, penyakit kritikal dan hilang upaya kekal menyeluruh. Prancangan kewangan meliputi ; merancang, menyusun, mengurus, mengembang dan melindungi aset yang menjana pendapatan . Seorang yang berperancangan adalah seorang yang telah membuat persediaan bagi menghadapi senario risiko terburuk dalam kewangan.

annuar salleh

Al-ITQAN WEALTH RESOURCES

Mengurus Risiko Kewangan

E Book Hakcipta ©Ustaz Annuar Salleh 2020

Edaran Pertama: Oktober 2020

Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian rencana, illustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apacarapun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit buku ini.

Penafian: Penulis tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kemudaratan yang timbul kepada pembaca hasil membaca buku ini. Para pembaca dinasihatkan agar mendapat nasihat pakar dalam semua bidang yang ingin diceburi. Buku ini hanya bertujuan mencetuskan kesedaran dan minat terhadap topik yang dibicarakan.

Alitqan Wealth Resources

Mengurus Risiko Kewangan / Annuar Salleh

1-Planning - Financial

2. Muslim — conduct - of life

3-Self - education

Muka Taip Teks: Times New Roman

Saiz Taip Teks: 12/16

Penerbit

Al-iTQan Wealth Resources

(UA0015125-T)

NO 23A-1 Jalan 2,

Cinta Sayang

Resort Home, 08000

Sungai Petani, Kedah.

Harga : RM.50.00

KANDUNGAN

SINOPSIS. 11

Pengantar Penerbit 12

Cetusan Hati. 14

Ini Kisah Kita 14

Bab 1 17

Identiti Kelas Pertama 18

Identiti Pemimpin 18

Berwawasan dan Beragenda 19

Bertanggungjawab 22

Sikap Cemerlang 24

Bertindak Dengan Betul 27

Pemikiran Kelas Ketiga 29

Kita Perlu Berubah 30

Bab 2 37

Konsep Kebebasan Kewangan 37

Bab 3 41

Keperluan Memiliki Kebebasan Kewangan 41

Kebebasan Kewangan Bukan Dosa. 42

Tuntutan Keimanan 43

Tuntutan Beramal Soleh. 47

Tidak Membebankan Orang Lain dengan Kesusahan Diri Anda. 52

Tidak merancang untuk berjaya adalah merancang untuk gagal. 53

Bersedia Ketika Musibah. 54

Bersedia Menghadapi Kemerosotan Nilai Wang. 55

Menjadi Ibu-bapa Hebat. 56

Merasai Kenikmatan dan Kebahagiaan Hidup. 58

Menyediakan Peluang Pekerjaan. 59

Membangunkan Tamadun Ummah 60

Keuntungan Di Akhirat 62

Bab 4 63

Konsep Perancangan Kewangan. 64

Piramid Perancangan Kewangan 64

KONSEP PERANCANGAN KEWANGAN. 64

Bagaimana Sikap Kaum Cina dan India. 70

Takaful Adalah Penciptaan Aset dan Legasi Kewangan. 71

Analisa Kekuatan dan Kelemahan Kewangan 73

Instrumen Hartanah dan Saham. 74

Dana Pendidikan Tinggi 75

Pengurusan Risiko Kewangan 76

Kerjaya Sebagai Perunding Kewangan Takaful 77

Tugas Perunding Kewangan. 77

Data-Data Yang Diperlukan 78

Aset: 78

Liabiliti 78

Mengira Perlindungan Kos Sarahidup 79

Mencadangkan produk yang sesuai dengan keperluan dan kemampuan. 79

Dana Pendidikan 82

Dana Persaraan 82

Hibah 83

Proses-Proses Menuntut Wang Di Bank Oleh Waris 84

Nota Hujung 87

SINOPSIS.

Objektif Perancangan Kewangan untuk **Mengumpul Kekayaan.**

Impian Terbesar adalah memiliki Kebebasan Kewangan.

Perancangan adalah;**Menyusun, Mengurus, Mengembang** dan **Melindungi Aset** yang **Menjana Pendapatan.**

Seorang yang Berperancangan adalah seorang yang telah Bersedia Menghadapi Senario Terburuk dalam hidup.

Pengantar Penerbit

Bismillahirrahmanirrahim.

Kemahiran membuat perancangan kewangan untuk memiliki kebebasan kewangan adalah satu perkara yang amat diperlukan oleh setiap orang.

Buku ini membicarakan mengenai kepentingan memiliki kebebasan kewanga, konsep perancangan kewangan dan pengurusan risiko kewangan.

Ia sesuai untuk dibaca oleh semua lapisan masyarakat dan generasi; sama ada golongan belia, dewasa juga ibu bapa yang ingin membantu anak-anak mereka berjaya terutamanya perunding kewangan takaful.

Buku ketiga ini adalah ringkasan buku 4 Aset Menjana Kebebasan Kewangan di Usia Muda dan buku 5 Prinsip Kejayaan Identiti Kelas Pertama.

“Kejayaan mencapai sesuatu matlamat disebabkan anda melakukan tugas dengan betul dan efisyen. Tindakan anda tidak akan betul dan efisyen jika anda tidak tahu dan faham tugasan anda dengan sebenarnya. Untuk mengetahui sesuatu dengan betul anda perlu berfikir dengan cara yang betul. Untuk berfikir dengan betul anda perlu memiliki maklumat yang betul. Untuk memiliki maklumat anda perlu minda yang positif. Maklumat yang betul adalah maklumat daripada sumber yang sebenar atau saintifik.”[1]

Perubahan minda adalah langkah pertama untuk mengubah kehidupan, kerana minda yang positif melahirkan perasaan yang positif. Perasaan positif akan meransang sikap yang betul dan cemerlang. Sikap yang betul dan cemerlang akan melahirkan tingkah laku dan tindakan yang betul. Tindakan dan tingkah laku yang betul akan menghasilkan natijah matlamat yang diharapkan

Buku ini membincangkan isu-isu berikut.

1. **Minda Kelas Pertama.**
2. **Konsep Kebebasan Kewangan.**
3. **Keperluan Kebebasan Kewangan**
4. **Konsep Perancangan Kewangan**
5. **Pengurusan Risiko Kewangan.**

Al-iTQan Wealth Resources

Cetusan Hati.

Ini Kisah Kita

Mengimbas balik di tahun-tahun 60an dan 70an, waktu itu aku baru di sekeloh rendah. Di kampungku ada tiga buah keluarga berketurunan Cina. Kesemua mereka menyewa tanah dan berniaga. Ada yang membuka kilang padi, ada yang menyediakan bas sekolah dan satu keluarga lagi berniaga kedai basikal. Anak-anak mereka dihantar belajar di sekolah Cina di pekan. Walaupun mereka berduit tetapi penampilan mereka nampak zuhud, berselipar, memakai baju T jenama Pagoda atau singlet sahaja. Anak-anak mereka dilatih untuk berkerja selepas pulang daripada sekolah.

Berbeza dengan orang Melayu, rata-rata mereka adalah pesawah, nelayan atau pekerja kilang. Hanya ada dua orang yang berniaga kedai runcit, masing-masing di hujung kampung, seorang di utara dan seorang lagi di selatan. Berbeza dengan anak Cina, anak-anak mereka tidak dilatih berniaga. Buktinya sekarang tahun 2020 kedai kedua-dua keluarga Melayu itu sudah tutup tetapi perniagaan keluarga Cina itu masih diteruskan oleh anak-anak mereka hingga sekarang.

Mungkin bangsa Cina ini tidak mengharapkan anak-anak mereka untuk berkerja makan gaji seperti ibu-bapa keluaga Melayu sebab itu anak-anak mereka telah dilatih berusaha sejak kecil.

Cuma tahun 2020 ini saya melihat sudah ramai anak-anak Melayu berniaga, cuma perniagaan mereka masih ditahap runcit dan perusahan kecil. Orang Cina sudah menjadi pemaju dan kontraktor hartanah yang membina bandar-bandar perumahan. Mereka lebih awal menguasai tanah-tanah estet dan tanah-tanah pegangan bebas. 94% tanah-tanah dan bangunan-bangunan di bandar-bandar dan pekan dikuasai oleh bangsa Cina. Mereka menguasai rantaian perniagaan dalam semua bidang terutama bidang pembinaan.

Jika orang Melayu menjadi pesawah orang Cina menjadi pengilang beras. Jika orang India menjadi penoreh getah orang Cina pemilik kilang tayar dan kilang sarung tangan. Jika orang Melayu menanam kelapa sawit orang Cina menjadi pengilang minyak masak, malah mereka juga menguasai super-super market yang memasarkan seluruh keperluan harian.

Pendek kata tidak sampai 50 tahun kini mereka menguasai ekonomi negara hinggakan mereka membolot senarai 10 orang terkaya di Malaysia.

Saya paparkan realiti ini bukan ingin menimbulkan isu rasis tetapi ingin mengejutkan bangsa saya Melayu bahawa kejayaan bangsa Cina kerana sikap ibu-bapa dan nenek moyang mereka. Mereka mungkin berpegang dengan falsafah Feng Sui atau hukum karma tetapi sikap positif, suka berkerja keras dan mementingkan keluarga yang menjadi amalan mereka merupakan faktur utama mereka berjaya.

Islam mengajar orang Melayu supaya berakhlak mulia, berfikiran positif dan kuat berusaha. Nabi s.aw. juga dalam hadis pertama di dalam kebanyakkan kitab hadis berbicara tentang kejelasan niat dan kesan niat kepada kesahan amalan, mendapat pahala dan tercapainya tujuan amal. Nabi s.a.w. juga seorang usahawan, bermula sebagai pengembala kambing kemudian berniaga. Kebanyakan nabi-nabi terdahulu adalah usahawan dalam pelbagai bidang. Islam pula mengajar umatnya pelbagai hukum-hakam muamalat kewangan dan pemerintahan, selain daripada urusan keluarga dan ibadah.

Malah bangsa Melayu sejak abad ke 13 hingga ke 15 terkenal sebagai peniaga dan pelayar yang menguruskan pelabuhan tersibuk di dunia waktu itu. Mereka pakar dalam pembinaan perahu, kapal dan pertukangan kayu. Mereka adalah sudagar yang berdagang seantereo dunia seperti bangsa Cina, bangsa Melayu terlebih dahulu bertapak di kebanyakan bandar-bandar pelabuhan dunia.

Jadi keusahawan bukanlah asing kepada orang Melayu. Genatik keusahawanan masih terbenam di dalam sel-sel orang Melayu. Apa yang mereka perlu adalah mencetuskan semula kemahuan untuk menjadi usahawan.

Ibu bapa bangsa Melayu perlu mengubah susunan minda mereka. Mereka perlu lihat kehadapan, bahawa peluang untuk makan gaji semakin mengecil. Mereka perlu sedar kelahiran kanak-kanak di Malaysia melebih 600,000 setahun dan itulah bilangan pesaing kepada anak-anak mereka. Mereka perlu melatih anak-anak berfikiran positif, memiliki daya kreatif dan innovasi, berkemampuan untuk berkomunikasi dengan baik, mampu menyampaikan idea dan mampu mempertahankan ideanya. Mereka perlu dilatih untuk mampu berdaya saing dan bertahan dalam suasana kehidupan yang sukar.

Mereka perlu tahu bersyukur, bersabar, prihatin, berusaha keras, tidak berputus asa dan sedar segala-gala yang berlaku atas kehendak Allah dan Allah akan memabantu mereka yang berusaha keras, betul dan tepat. Seperti perintah Allah agar manusia sentiasa bersyukur dan memohon pertolonganNya dengan bersabar dan solat kerana setiap kesenangan perlu didahului kesusahan.

Perkara utama yang tidak boleh dilupakan oleh ibu-bapa adalah kemahiran menguruskan kewangan dengan betul dan kecekapan mengambil dan menyediakan peluang kepada anak-anak mereka. Ibu-bapa tidak lagi boleh berpada dengan memberikan ilmu kepada anak-anak kerana ilmu bukan lagi segala-galanya pada masa akan datang. Mereka perlu dibantu dengan kemahiran berdikari dan berdaya saing disamping sedikit dana untuk memulakan kehidupan baru.

Bab I

Identiti Kelas Pertama

Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam," maka sujudlah mereka kecuali Iblis; ia enggan dan takabur dan adalah ia termasuk golongan orang-orang yang kafir.

(Surah al-Baqarah: Ayat34)

Dalam bab pertama ini saya ringkaskan identiti manusia kelas pertama yang akan berjaya memiliki kebebasan kewangan.

Manusia telah diciptakan Allah dengan sebaik-baik kejadian. Kerana manusia telah dilantik oleh Allah untuk menjadi pemerintah di dunia ini. Malah setelah Allah menghidupkan Adam a.s. Allah telah memerintahkan sekelian malaikat untuk sujud menghormati Adam a.s. Manusia telah diciptakan untuk memimpin.

Identiti Pemimpin

Sebaik-baik kejadian inilah saya istilahkan sebagai manusia kelas pertama. Manusia yang memikul tugas kepimpinan dan perhambaan kepada Allah. Manusia kelas pertama adalah mereka yang memiliki minda dan sikap kelas pertama.

Manusia kelas pertama adalah manusia yang merasai dirinyalah orang yang bertanggungjawab terhadap dirinya sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

Mereka menggunakan minda untuk berfikir mengenalpasti kedudukan diri, memahami peranan dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan, menentukan matlamat hidup, membuat perancangan dan membuat persediaan untuk melaksanakan peranan. Minda kelas pertama adalah minda seorang khalifah atau pemimpin yang berjiwa hamba kepada Allah.

Ia adalah minda seorang pemimpin yang menguasai watak kepimpinan dan watak ketaatan kepada Allah. Minda yang sentiasa mencari peluang, mengguna peluang, merebut peluang dan mencipta peluang.

Seorang pemimpin perlu memiliki idea dan jawapan kepada persoalan apa, kenapa, bila, siapa dan bagaimana, terutamanya dalam menguruskan kehidupan di dunia ini, khususnya aspek pengurusan diri dan keluarga.

Seorang pemimpin perlu bernafsu, berkeinginan, berkemahuan yang besar untuk kebaikan orang yang dipimpinnya. Pemikiran kelas pertama adalah asas kecemerlangan diri, sifat seorang yang dewasa, matang dan memiliki ciri seorang pemimpin. Berikut adalah beberapa ciri seorang pemimpin.

Berwawasan dan Beragenda

"Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu dengan sia-sia tanpa tujuan dan kamu menyangka pula tidak akan dikembalikan kepada Kami"

(Surah al-Mukminun, ayat 115.)

Seorang pemimpin adalah seorang yang memiliki idea dan yakin terhadap agenda hidupnya. Ciri pertama seorang pemimpin adalah kemampuan untuk melakar wawasan yang besar dan jauh. Membuat perancangan yang jelas. Mampu menentukan misi strategik, objektif dan sasaran. Matlamat ditentukan melalui proses sumbangsaran menilai realiti; kekuatan, kelemahan, cabaran dan peluang.

Setelah mengenalpasti realiti kekuatan dan kelemahan, cabaran dan peluang, mengetahui jurang antara realiti dan wawasan yang ingin dicapai, maka satu perancangan strategik dilakukan. Wawasan yang jauh dan besar perlu dibina di atas tiang-tiang tertentu. Tiang-tiang ini adalah misi strategik yang perlu dilengkapkan dalam tempoh tertentu.

Misi strategik ini menjadi matlamat perancangan jangkamasa sederhana dan seterusnya untuk menyiapkan misi ini perlu dilakukan secara bertahap selama beberapa tahun. Setiap tahun ada objektif tahunan yang perlu dicapai bagi melengkapkan misi dan wawasan kehidupan.

Kehidupan berasaskan minda kelas pertama bukan sekadar dalam sektor kerajaan, koperat dan organisasi sahaja tetapi setiap individu yang ingin kecemerlangan perlu menyusun kehidupannya berasaskan pemikiran kelas pertama ini.

Perancangan hidup adalah untuk mencapai matlamat kerohanian, intelektual, kesihatan, kemasyarakatan, kekeluargaan termasuk matlamat kewangan.

Berkaitan dengan perancangan kewangan, maka matlamat kewangan yang tertinggi adalah memiliki kebebasan kewangan dengan menghuraikan persoalan-persoalan berikut:

Berapakah jumlah pendapatan yang mencukupi untuk keperluan kebebasan kewangan anda? Kenapa jumlah tersebut menjadi pilihan anda? Bilakah anda meletakkan tarikh mula perjuangan untuk memiliki kebebasan kewangan dan bilakah tarikh akhirnya? Apakah aset yang anda pilih sebagai landasan untuk mencapai kebebasan kewangan? Apakah proses yang perlu anda susun untuk memilikinya?

Dalam usaha untuk menguruskan kewangan, ia tidak boleh dilakukan secara semberono dan terburu-buru. Sebaliknya perlu didahulukan dengan berfikir, membuat perancangan tindakan sebelum bertindak.

Membuat perancangan kewangan adalah satu keperluan hidup malah menjadi kewajiban setiap orang mukallaf. Kewajiban ini adalah untuk memastikan perbelanjaan diuruskan berdasarkan keperluan sebenar mengikut keutamaan hukum dalam Islam.

Membuat perancangan adalah berfikir untuk menentukan matlamat, menganalisa situasi semasa, menentukan jarak antara matlamat akhir dengan realiti semasa, menentukan cara-cara untuk mencapai matlamat, menyusun keutamaan antara keperluan, keinginan dan kemampuan dan menggariskan langkah-langkah, atau aktiviti untuk mencapai matlamat.

Apabila seseorang itu berfikir, membuat perancangan kewangan untuk diri dan keluarganya, beliau akan memahami dengan jelas perkara yang lebih perlu dan lebih utama berbanding dengan apa yang diiginkannya berdasarkan kemampuan kewangannya.

Perkara utama dalam perancangan Islam adalah, perkara yang wajib perlu didahulukan daripada sunat, harus, makruh dan haram. Ada perkara wajib yang perlu diutamakan seperti memberi nafkah kepada tanggungan seperti, isteri, anak-anak dan ibu bapa, membayar zakat, menunaikan haji, melunaskan hutang, membayar kos perubatan, kos pendidikan dan segala bil-bil khidmat yang digunakan.

Tanpa membuat perancangan perbelanjaan anda boleh terjatuh kepada perkara makruh dan haram. Terutamanya perbelanjaan yang harus hukumnya, jika disalah gunakan akan menjadi haram; seperti melanggan astro, unifi, majalah dan suratkhabar apabila menyebabkan perbelanjaan wajib terabai.

Ada juga perbelanjaan menjadi makruh seperti bermewah-mewah dalam makan minum, perabut rumah, kenderaan dan sebagainya.

Perbelanjaan dalam perkara harus juga boleh menjadi haram jika menyebabkan perkara-perkara wajib tidak dapat dilunaskan, kerana meraikan keutamaan dalam berbelanja adalah satu kewajiban.

Bertanggungjawab

Dalam surah al-Takasur Allah mengingatkan kita bahawa:

"Kamu pasti akan disoal pada hari itu tentang segala nikmat".

(Surah al-Takasur: Ayat 8.)

Manusia dimuliakan Allah dengan tugas kepimpinan dunia, telah dibekalkan dengan akal fikiran, kemampuan mempelajari ilmu dan memiliki pelbagai perasaan untuk mendorong mereka menunaikan tugas dengan terbaik.

Di sebabkan tugas yang mulia ini Allah permudahkan pelbagai nikmat kehidupan kepada manusia dan diciptakan seluruh makhluk untuk keperluan manusia. Dengan nikmat itu manusia mampu menguasai semua makhluk dengan mudah, di laut, di darat dan di udara.

Manusia boleh berfikir, mencari maklumat, mengambil iktibar, mengambil pengajaran, untuk melakukan perancangan dan tindakan yang betul.

Perbelanjaan dalam perkara harus juga boleh menjadi haram jika menyebabkan perkara-perkara wajib tidak dapat dilunaskan, kerana meraikan keutamaan dalam berbelanja adalah satu kewajiban.

Bertanggungjawab

Dalam surah al-Takasur Allah mengingatkan kita bahawa:

"Kamu pasti akan disoal pada hari itu tentang segala nikmat".

(Surah al-Takasur: Ayat 8.)

Manusia dimuliakan Allah dengan tugas kepimpinan dunia, telah dibekalkan dengan akal fikiran, kemampuan mempelajari ilmu dan memiliki pelbagai perasaan untuk mendorong mereka menunaikan tugas dengan terbaik.

Di sebabkan tugas yang mulia ini Allah permudahkan pelbagai nikmat kehidupan kepada manusia dan diciptakan seluruh makhluk untuk keperluan manusia. Dengan nikmat itu manusia mampu menguasai semua makhluk dengan mudah, di laut, di darat dan di udara.

Manusia boleh berfikir, mencari maklumat, mengambil iktibar, mengambil pengajaran, untuk melakukan perancangan dan tindakan yang betul.

Seorang pemimpian akan merasa bertanggungjawab terhadap nikmat kurniaan Allah ini dan bertindak proaktif. Beliau tidak akan menunggu sehingga keadaan menjadi tenat baru mula hendak bertindak. Hidup berperancangan tanda seorang itu memiliki perasaan bertanggungjawab. Merancang sesuatu untuk masa depannya, keperluan isteri dan anak-anak adalah tanggungjawabnya.

Semua orang tidak akan terselamat daripada dipertanggungjawabkan di akhirat terhadap setiap sen yang dibelanjakan di dunia ini. Supaya kita mampu muhasabah dengan sempurna segala tindakan kita, perlulah membuat perancangan kewangan dan berbelanja berasaskan perancangan yang betul.

Apalah guna nikmat akal fikiran jika ia tidak digunakan untuk belajar, membuat perbandingan, menganalisa, berfikir dan menyusun tindakan terbaik sebelum sesuatu itu dilakukan.

Apabila anda menguruskan hidup anda secara berperancangan anda telah menggunakan akal anda yang dianugerahkan Allah secara terbaik. Sikap ini menjadikan anda seorang yang professional dalam pengurusan kewangan.

Tanpa perasaan bertanggungjawab anda tidak akan bersyukur kepada nikmat Allah, anda tidak akan menunaikan amanah Allah dengan cara yang terbaik dan anda akan kekal di tahap lama dengan tidak mahu berusaha membuat perubahan.

Sikap Cemerlang

"Dialah yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup, untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu, siapakah di antara kamu yang terbaik amalnya"

(Surah al-Mulk, ayat 2)

Kejelasan matlamat dan hala tuju akan melahirkan keyakinan terhadap tindakan yang bakal dilakukan. Keyakinan akan membuahkan inspirasi dan motivasi seterusnya membentuk sikap yang cemerlang, jujur, amanah, berdisiplin, sentiasa menghargai masa, berinisiatif, memberi komitmen melaksanakan aktiviti yang sesuai dengan perancangan, berinovasi dan berkreativiti untuk mencapai impian hidupnya.

Ada hukama berkata:

"Seorang yang bijak sudah membuat persiapan untuk menghadapi situasi buruk 20 tahun akan datang. Orang yang jahil akan menepuk dahi penyesalan apabila keburukan telah berada di hadapan mata"

Allah SWT telah menentukan matlamat dan agenda hidup kepada setiap orang Muslim dalam menjalani kehidupan di dunia ini. Apabila seseorang itu tidak mengambil tanggungjawab kepimpinan dan membuat perancangan terhadap kehidupannya termasuk aspek kewangan, seseorang itu tidak mampu menunaikan amanah Allah dengan sempurna.

Apabila anda menguruskan hidup anda secara berperancangan, anda telah menggunakan akal anda yang dianugerahkan Allah secara terbaik. Sikap ini menjadikan anda seorang yang profesional dalam pengurusan kewangan.

Stephan Covey telah menemui 7 tabiat manusia yang cemerlang dalam pengurusan diri dan berorganisasi yang dimuatkannya dalam bukunya 7 tabiat kejayaan manusia. Beliau menjelaskan bahawa manusia yang cemerlang adalah seseorang yang mampu membawa dirinya dan orang lain menuju matlamat yang telah digariskan.

Mereka adalah seorang yang bersikap proaktif, memiliki matlamat akhir yang jelas, sentiasa meletakkan matlamat akhir di dalam mindanya dan mampu menyusun keutamaan yang betul dalam tindakannya. Mereka sentiasa membangunkan potensi diri dan sentiasa belajar dengan tujuan untuk memimpin.

Kesudahan tindakan kita bergantung dengan tabiat hidup yang menjadi amalan seharian kita. Jika tindakan yang cemerlang menjadi budaya kita, kita akan berjaya. Sebaliknya jika tabiat hidup manusia yang gagal, menjadi tabiat hidup kita, maka kita tidak akan berjaya.

Sesuatu tabiat akan terpahat dalam hidup kita apabila ia dilakukan secara berulang-ulang dan telah tersimpan di dalam minda bawah sedar.

Manusia biasanya akan mengulangi tabiat yang menjadi kebiasaan hidupnya sejak kecil. Jika sejak kecil beliau sudah terbiasa dengan tabiat dan aktiviti yang baik maka untuk membiasakan kebaikan di usia dewasa adalah lebih mudah.

Namun apabila semasa dewasa kita baru menyedari beberpa tabiat yang kita amalkan sejak kecil adalah tabiat seorang yang gagal dan kita ingin mengubahnya kita perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk menukarkannya.

Tujuan menulis segala matlamat, perancangan, langkah-langkah strategik dan sebagainya yang saya cadangkan dalam buku ini kerana untuk mengubah diri dan tabiat hidup menjadi seorang yang cemerlang adalah perkara yang tidak mudah. Namun untuk menjadi manusia yang hebat identitinya memerlukan tabiat hidup yang cemerlang.

Bertindak Dengan Betul

Setiap perkara ada cara yang betul dan ada cara yang salah dalam melaksanakannya. Alam ini sendiri terikat dengan pelbagai sistem dan undang-undang. Seorang yang cemerlang sentiasa meningkatkan kemahirannya, memperbaiki tindakannya sehingga sempurna.

Seorang yang berjaya di akhirat adalah mereka yang menunaikan solatnya dengan sempurna. Solat yang sempurna adalah solat yang ditunikan dengan khusyuk anggota, pemikiran dan hatinya. Ketika beliau mengucapkan bacaan-bacaannya, beliau merasai Allah mendengar setiap kalimahnya, mendengar pujian dan permintaannya, dia qiam, rukuk dan sujud dengan penuh merasai keagungan Allah dan mensyukuri segala nikmat Allah kepadanya.

Untuk memiliki sifat dan sikap khusyuk kita perlu memahami setiap bacaan dan ucapan, kita perlu fokus kepada bacaan dan doa kita, kita perlu menepis segala bisikan syaitan yang cuba membawa jiwa dan hati kita keluar daripada majlis bermunajat kepada Allah.

Khusyuk adalah tabiat cemerlang seorang hamba yang berjaya menepis segala bisikan syaitan. Kejayaan ini kerana beliau sudah biasa meninggalkan perkara-perkara yang sia-sia yang tidak berkenaan dengan matlamat hidupnya sebagai hamba.

Amalan yang membantu sifat khusyuk adalah sentiasa hidup dalam berwuduk dan setiap kali berwuduk beliau berdoa agar Allah menjadikannya seorang yang bersih jiwanya dan bertaubat. Jiwa yang kotor dengan kesan dosa adalah taman-taman syaitan. Hati yang menjadi tempat permainan syaitan akan payah untuk merasai khusyuk.

Bagitu juga dalam merealisasikan tugas kehidupan dunia untuk mencapai cita-cita kita. Kita perlu memahami sistem dan undang-undang yang telah di sediakan oleh Pencipta dan Penguasa alam ini. Apabila kita memahami undang-undang, peraturan dan sistem setiap perkara kemudian kita bertindak dengan betul kita akan berjaya. Sesiapa sahaja yang melanggar undang-undang Allah yang telah ditakdirkan akan kalah.

Kehidupan manusia berada di antara dua keadaan; hidup sihat sehingga tua atau ditimpa musibah sebelum bebanan tanggungjawab memberi nafkah selesai. Ada yang ditimpa kemalangan, menghidap penyakit kritikal atau lumpuh ketika usia sebelum matang, ketika itu usianya masih muda sedangkan mereka tidak mempunyai simpanan wang mencukupi. Malah anak-anak masih kecil dan memerlukan ibubapa yang memberi nafkah.

Sebagai persediaan menghadapi kedua-dua situasi ini kita perlu melakukan dua strategi kewangan iaitu;

Pertama: Memiliki pelan takaful sebagai langkah persediaan menghadapi risiko kewangan dan

Kedua: Berusaha menambahkan pendapatan, melabur untuk keperluan di usia persaraan, di samping keperluan belanja harian.

Kesungguhan membuat perancangan kewangan menjadikan seseorang itu tidak akan mengabaikan kedua-dua strategi ini dalam merancang kewangan mereka.

Pemikiran Kelas Ketiga

Sebaliknya pemikiran kelas ketiga adalah seseorang yang tiada matlamat hidup, tidak ada perancangan tertentu, tidak cuba meningkatkan kemahiran tertentu, memiliki sikap negatif dan memiliki tabiat hidup yang selalu bergantung kepada orang lain dalam semua aspek. Aktiviti kehidupannya hanya melakukan rutin hidup sehariannya sejak sekian lama tanpa ada perubahan.

Perbandingan seorang yang memiliki ciri kejayaan atau kegagalan adalah sama ada seseorang itu memiliki minda, perasaan dan sikap seorang dewasa atau masih kekal dengan minda dan sikap seorang kanak-kanak.

Seseorang kanak-kanak berjiwa lemah, bergantung hidupnya kepada orang lain, tidak berani membuat keputusan dan tidak sanggup memikul tanggungjawab yang berat.

Dunia telah dewasa, pelbagai pembangunan pesat berlaku, berbagai teknologi tercipta, ada yang menjadi dewasa bersama kedewasaan dan kemodenan ini. Mereka mencari peluang, merebut peluang dan mencipta peluang. Ada yang masih di alam kanak-kanak dan ketinggalan.

Kita Perlu Berubah

Hidup ini satu perjalanan, perjalanan adalah satu perubahan daripada satu keadaan kepada satu keadaan lain. Berubah usia daripada kanak-kanak menjadi tua, daripada jahil kepada berilmu, daripada tidak memiliki kemahiran kepada menguasai kepakaran juga daripada miskin menjadi kaya.

Semua proses perubahan ini berkaitan dengan pilihan manusia. Buatlah pilihan yang betul, berfikirlah sebelum memilih dan berfikirlah dengan ilmu.

Walaupun anda tidak berubah, dunia tetap berubah dan meninggalkan anda.

Satu soalan yang telah mengejutkan saya satu ketika dahulu;

"Sekarang sudah tahun 2005, pada tahun 2000 yang lalu apakah yang anda telah putuskan ingin dicapai pada tahun 2005"?

"Jika lima tahun yang lalu anda tidak pernah berfikir untuk mencapai sesuatu pada hari ini, tidak pernah menentukannya, dan tidak pernah merancang, bagaimanakah anda hendak mengatakan, hari ini anda telah berjaya"?

"Maka apakah anda akan membiarkan tahun 2020 ini akan berlalu begitu sahaja seperti lima tahun yang lalu"?

Lalu saya meletakkan impian untuk menjadi Pengarah Agensi pada tahun 2010 tetapi saya mencapainya pada tahun2009.

Perubahan hidup bermula dengan sebuah lukisan impian hidup yang mendebarkan, anda inginkan kebahagiaan untuk keluarga anda, jelas terbayang satu gambaran, suara dan rasa kegembiraan isteri dan anak-anak anda yang terlukis diminda.

Lukisan itu anda paparkan di dalam pejabat anda, lalu anda mula berfikir bagaimana untuk merealisasikannya dan bermulalah suatu impian bertukar menjadi realiti.

Berfikiran Positif

Masyarakat Malaysia tidak asing dengan cerita P. Ramlee, Ali Baba dan 40 Penyamun. Kisah menarik, menghiburkan dan mengandungi banyak pendidikan yang tersirat. Nama Ali Baba cukup popular seanterio dunia tetapi tidak ada siapapun yang menjadikannya sebagai *trade mark* perniagaannya kecuali Jack Maa.

Jack Maa contoh individu yang memiliki minda kelas pertama zaman ini. Berfikiran positif, bersungguh-sungguh, jelas matlamat dan berkerja keras. Beliau menceritakan bagaimana beliau belajar Bahasa Inggeris melalui berbual dengan pelancong Inggeris yang datang ke China.

Dalam kisah P. Ramlee, Ali Baba memiliki kekayaan melalui harta milik penyamun. Kini alibaba.com, adalah platform orang ramai menjual barangannya ke seluruh dunia.

Jack Maa pengasas *alibaba.com* melihat masalah sebagai peluang. Masyarakat dunia memiliki perkara yang hendak dijualkan kepada orang lain di seluruh dunia tetapi mereka tidak ada platform untuk menjualkannya. Masalah ini menjadi peluang kepada Jack Maa untuk merealisasikan impiannya menjadi billionair.

Begitu juga peniaga-peniaga di Malaysia, ketika kejatuhan harga ringgit mereka merebut peluang mengeksport pelbagai barangan Malaysia yang diperlukan ke luar negara kerana dengan kejatuhan ringgit harga barangan di Malaysia lebih murah berbanding negara luar yang tidak terjejas mata wang mereka.

Kita Boleh Memilih Untuk Berubah

Kita tidak boleh ubah perkara yang telah berlaku, tetapi kita boleh cipta perkara akan datang.

"Yang demikian adalah menurut sunnatullah, dan engkau tidak sekali-kali akan mendapati ada perubahan pada sunnatullah itu"

(Surah aal-Ahzab: ayat 62.)

Kita ada kemahuan dan ada keperluan. Kita juga ada yang berkemampuan lebih dan ada yang terbatas. Kehidupan kita juga berubah-ubah; daripada usia bayi, kanak-kanak, remaja, dewasa bujang, berkahwin, beranak-pinak hingga bersara. Setiap tahap kehidupan ada keperluan dan tanggungjawab berbeza.

Ada di kalangan kita mengharungi kehidupan secara kebetulan dengan menyambung apa yang telah berlaku sebelumnya; sama ada yang menentukan itu guru-guru, ibu bapa atau keadaan. Ada yang bercita-cita menjadi pensyarah tetapi hanya menjadi guru.

Ada yang bercita-cita menjadi doktor tetapi hanya menjadi pensyarah dan sebagainya kerana semasa memohon kursus pengajian di intitusi pengajian tinggi kelayakannya, kekosongan tempat dan sebagainya menjadi penghalang. Ada yang tidak dapat meneruskan cita-cita kerana tidak mendapat pembiayaan pendidikan. Lalu untuk menyedapkan hati kita berkata:

"Apa boleh buat segala-galanya telah ditakdirkan Allah".

Benar segala-galanya telah ditakdirkan Allah tetapi manusia tidak boleh menyalahkan Allah. Kerana apa yang berlaku adalah qadak Allah kepada takdir-takdirNya.

Allah telah mentakdirkan segala keperluan manusia, seperti kemampuan berfikir, berusaha, menyusun, membuat keputusan mengubah sesuatu perkara yang dimahukan sesuai dengan takdir yang telah ditentukan. Allah mentakdirkan manusia boleh belajar, boleh memahami, boleh memilih dan boleh melakukan apa yang dia mahu.

Mungkin seseorang itu boleh memilih bidang pengajian yang diinginkan jika beliau memiliki kelayakan, kegagalannya kerana beliau tidak ada kelayakan tersebut, manakala mereka yang berjaya adalah mereka yang berkelayakan.

Mungkin beliau memilki kelayakan tetapi tidak ada kekosongan tempat untuknya di Universiti Awam. Ada rakannya memilih untuk belajar di universiti swasta dalam atau luar negara tetapi ada yang gagal kerana tidak mendapat pinjaman kewangan. Namun ada yang berjaya dengan bantuan kewangan ibubapa mereka.

Perbezaan antara kedua-dua ibu bapa tersebut adalah kerana perancangan kewangan yang dilakukan sejak awal atau tidak merancang.

Allah mentakdirkan perkara baik dan buruk. Allah juga yang mencipta perkara baik dan buruk. Allah juga mentakdirkan sistem terjadinya baik dan buruk. Allah mentakdirkan manusia boleh memahami sistem, boleh mempelajari, boleh menyusun sebab-sebab untuk mencipta musabbab yang telah di sistemkan oleh Allah. Malah manusia mampu meniru segala sistem ciptaan Allah untuk mencipta sistem baru; antaranya, motor, komputer dan robot.

Takdir dan perancangan Allah kepada alam ini sudah siap sejak sebelum alam ini diciptakan. Allah telah nyatakan berkali-kali dalam al-Quran bahawa Dia tidak akan sesekali mengubah sistem yang telah ditakdirkan. Sistem itu adalah sunnatullah, undang-undang Allah yang telah disusun dan mengawal selia kesejahteraan alam ini. Penemuan-penemuan manusia terhadap undang-undang ini di sebut sebagai sains, teknologi, fizik, kimia, algebra, geologi, biologi, neorologi, psykologi dan sebagainya.

Alam semesta dan manusia terikat dengan sistem-sistem ini, namun manusia ada kebebasan untuk menyusun dan merancang kehidupan mereka selaras dengan keilmuan mereka mengenai sistem yang telah ditentukan Allah ini.

Begitu juga kehidupan kita; kita perlu buat pilihan ke mana kita ingin pergi dan bagaimana kita hendak sampai ke sana. Dalam aspek kekayaan, kita yang perlu memilih; bilakah hendak bersara, apakah yang hendak dimiliki, apakah yang hendak dilakukan semasa bersara, apakah sumber pendapatan semasa bersara, apakah usaha yang perlu dilakukan sekarang untuk mencapai matlamat tersebut.

Tindakan Proaktif dan Efisyen

Berbeza tindakan seseorang yang memilih untuk memiliki sesuatu dan hanya menerima apa yang dipilih untuknya. Seorang yang memiliki minda kelas pertama akan memilih untuk memiliki sesuatu berdasarkan keperluan dan keinginannya bukan berserah apa sahaja yang diberikan kepadanya.

Untuk mendapatkan sesuatu memerlukan tindakan proaktif dan efisyen. Untuk itu ada perlu membuat perancangan untuk memilikinya.

Apabila anda ingin membuat perancangan anda perlu mengetahui apakah yang anda miliki dan tidak miliki, apakah cabaran yang boleh menghalang anda mencapai apa yang anda ingin miliki, anda perlu tahu apakah peluang yang ada ada diluar sana yang boleh dimanfaatkan untuk menghadapi cabaran, anda perlu mengetahui jarak masa yang diperlukan dalam proses memiliki apa yang anda ingin miliki.

Begitulah kekayaan, pendapatan, kebebasan kewangan adalah suatu hasil dan matlamat yang boleh diusahakan. Jika anda memilih untuk tidak ambil tahu peluang yang ada, tidak mengambil tahu kekuatan diri yang boleh merebut peluang dan tidak menentukan sesuatu untuk dimiliki, diusahakan dan diperjuangkan anda memilih untuk tidak berubah ke mana-mana.

Saya tidak bermaksud menulis sebuah buku ilmiah mengenai kebebasan kewangan. Sebaliknya, saya hanya mempersembahkan lontaran idea tentang kebebasan kewangan hasil pengalaman dan pembacaan saya.

Sejak skim jualan langsung diperkenalkan, ramai ahli masyarakat mula terlibat dengan perniagaan. Namun, ramai juga yang mengambil kesempatan menipu, mengaut keuntungan dengan cara menindas orang lain dan kerugian ditanggung oleh ahli masyarakat mencecah jutaan ringgit akibat tertipu melalui skim cepat kaya.

Kemahuan untuk kaya sahaja tidak mencukupi untuk menjadi seseorang itu kaya, tetapi terdapat syarat-syarat lain yang perlu diketahui dan dilaksanakan agar impian menjadi kenyataan.

Saya menulis dalam buku ini, berkaitan cara berfikir dengan betul berasaskan pemikiran berobjektif, cara berfikir kelas pertama, pemikiran yang mempunyai impian, memahami nilai wang dan masa, mengetahui hakikat aset kekayaan, mengetahui instrumen kewangan yang ada, merebut peluang, mencipta peluang kekayaan dan memiliki pra syarat kejayaan dalam persaingan hidup agar hidup berperancangan.

Dalam buku ini anda akan menemui panduan membuat perancangan kewangan dan langkah-langkah untuk memiliki kebebasan kewangan di usia muda. Dalam buku pertama saya saya telah bincangkan pra syarat kejayaan untuk melaksanakan perancangan anda.

Bab 2

Konsep Kebebasan Kewangan

Kebebasan Kewangan

Objektif perancangan kewangan adalah untuk mengurus dan mengembangkan aset bagi memiliki kebebasan kewangan.

Kebebasan kewangan adalah sasaran kemuncak yang ingin dicapai daripada penjanaan aset.

Kebebasan kewangan adalah, anda memiliki aset atau harta yang menjana pendapatan berterusan bagi memenuhi keperluan dan kemahuan anda.

Secara ringkasnya kebebasan kewangan adalah, anda memperolehi pendapatan tahunan atau bulanan yang mencukupi keperluan, melalui aset-aset yang anda miliki, sama ada anda masih bekerja atau tidak lagi bekerja.

Kebebasan kewangan seolah-olah anda memiliki mesin mencetak wang. Fikirkan jika anda memiliki kilang wang yang mencetak wang untuk anda.

Pernahkah anda terfikir untuk memiliki kebebasan kewangan? Bilakah anda ingin memiliki kebebasan kewangan? Ketika itu daripada manakah wang melimpah-limpah masuk ke akaun anda?

Bagaimanakah wang boleh datang dalam hidup anda bagai memiliki mesin cetak wang?

Sebenarnya anda boleh memiliki kebebasan kewangan dalam masa setahun jika anda membuat keputusan untuk memilikinya. Namun setiap keputusan ada cabaran yang perlu anda lakukan, adakah anda bersedia?

Atau anda berfikir akan bersara pada usia yang telah ditentukan kepada anda. Mungkin tugas yang anda lakukan hari ini adalah tugas mulia yang terbaik yang boleh anda lakukan untuk mendapatkan syurga Allah. Mungkin tempat anda boleh digantikan oleh orang lain yang lebih memerlukan pekerjaan jika anda memiliki kebebasan kewangan pada usia lebih yang awal.

Banyak aset yang boleh dijana bagi mencapai kebebasan kewangan. Ada orang memiliki kekayaan dengan menulis buku.

Contohnya; Anthony Robin, penulis buku motivasi, J.K.Rowing pengarang novel Harry Porter. Selain daripada mereka ramai yang mendapat pendapatan pasif dengan menulis buku-buku motivasi dan fiksyen atau menjadi penulis buku-buku teks sekolah, kolej dan universiti.

Jika anda memiliki idea yang baik, anda menulis dan menerbitkannya, buku anda menjadi buku rujukan pengajian sekolah atau universiti, anda boleh menikmati pendapatan melalui bayaran royalti penulisan anda.

Jika buku anda diulang cetak sebanyak 100,000 naskah setahun dengan harga RM20 sebuah dan royalti anda sebanyak 15% senaskah anda sudah memiliki pendapatan sebanyak RM25,000 sebulan.

Ada yang menjadi kaya dengan mencipta formula makanan seperti pencipta resepi KFC. Anda juga boleh menjadi pencipta dan pengeluar produk-produk makanan, anda menjadi pencipta produk kecantikan, anda memiliki produk minuman, anda memiliki produk ubat-ubatan.

Semua pemilikan ini adalah harta yang boleh dijana pendapatan berulang kali setelah harta intelek anda didaftarkan dan ada pihak yang sanggup memasarkan produk anda.

Anda memiliki aset perniagaan, anda memiliki agensi khidmat perundingan seperti, agensi perunding kewangan, agensi hartanah, firma guaman, firma audit, firma arkitek, firma juru nilai, dan sebagainya.

Anda mempunyai aset berupa sijil-sijil saham yang memberi pulangan dividen tahunan bernilai jutaan ringgit. Anda memiliki aset rumah-rumah sewa, rumah kedai, hotel, *homestay* dan ladang-ladang yang menjana pendapatan melalui sewaan dan hasil-hasil pertanian.

Anda memiliki aset rangkaian perniagaan francais, rangkaian butik, rangkaian kedai makan, kedai runcit, gedung beli belah, rangkaian kedai tayar atau kedai-kedai *hardware.*

Anda memiliki pelan takaful keluarga dan perubatan bernilai jutaan ringgit yang melindungi pendapatan anda akibat ilat kekal menyeluruh atau kematian. Walaupun anda masih perlu bekerja untuk menyempurnakan proses menyediakan kebebasan kewangan namun anda sudah mempunyai jaminan kewangan yang mencukupi andainya musibah ilat kekal menyeluruh menimpa anda.

Semuanya ini adalah aset harta yang menjana pendapatan tetap kepada anda. Sekiranya anda memiliki aset-aset ini, anda telah mencapai kebebasan kewangan dalam hidup anda. Apakah pilihan anda? Jika anda tidak berniat untuk mendapatkannya anda tidak akan memilikinya. Bertindaklah untuk memiliki kebebasan kewangan hari ini.

Bab 3

Keperluan Memiliki Kebebasan Kewangan

Bab ini membincangkan keperluan memiliki kebebasan kewangan, atau dana yang cukup untuk menampung kos kehidupan dan kebajikan yang lain. Anda boleh memilih mana-mana kebaikan memiliki kebebasan kewangan yang saya bincangkan di bawah sebagai niat dan impian murni anda untuk menjadikan dunia anda ladang untuk negeri akhirat.

"Dan sediakanlah untuk menentang mereka (musuh yang menceroboh) segala jenis kekuatan yang dapat kamu sediakan dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia, untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh Allah dan musuh kamu serta musuh-musuh yang lain dari mereka yang kamu tidak mengetahuinya; sedang Allah mengetahuinya. Dan apa sahaja yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan balasannya kepada kamu, dan kamu tidak akan dianiaya."

(Surah Al-Anfal: Ayat 60)

Kebebasan Kewangan Bukan Dosa.

Adalah salah jika anda meyakini bahawa kekayaan itu satu dosa dan kemiskinan itu satu kemuliaan. Allah itu Pemurah dan inginkan hambanya juga pemurah. Allah itu kaya dan telah menyediakan jalan-jalan kekayaan untuk hamba-hambanya.

Mungkin ada yang menyangka kekayaan akan menyebabkan mereka lalai daripada melakukan ketaatan kepada Allah tetapi kebanyakan generasi muda yang menjadi penagih dadah, terlibat dalam kumpulan “mat rempit” bukannya datang daripada keluarga yang kaya-raya.

Kaya dan miskin bukan sebab utama ketakwaan dan juga bukan sebab utama seseorang itu masuk syurga atau neraka. Memiliki sifat ketakwaan, mendapat ganjaran syurga atau neraka di akhirat mempunyai punca dan sebab-sebab tertentu yang lain bukan disebabkan oleh kekayaan atau kemiskinan seseorang.

Kekayaan diperoleh kerana anda berusaha untuk mendapatkannya di dunia ini dan dengan sikap ketakwaan kekayaan itu menjadi sesuatu yang baik untuk diri anda dan masyarakat. Kemiskinan berlaku disebabkan anda tidak berusaha memiliki sebab-sebab yang boleh mengeluarkan anda daripada kemiskinan.

Kemiskinan dan kekayaan adalah tertakluk dalam sunnah qadak dan qadar Allah. Apabila manusia memilih melakukan sebab-sebab kemiskinan manusia akan menjadi miskin, mengikut hukum akal, begitulah juga jika mereka melaksanakan sebab-sebab kekayaan. Begitu juga kejahilan dan berilmu adalah qadak Allah kepada orang yang melaksanakan sebab-sebab kejahilan dan sebab-sebab memiliki ilmu.[2]

Anda perlu memiliki sesuatu untuk memberi. Allah mengasihi hamba-hambanya yang pemurah sebaliknya membenci hambanya yang kedekut. Jika seorang hamba bersyukur dengan membelanjakan harta kurniaan Allah kepada perkara yang diredhai Allah; Allah akan memberkati hidupnya, akan ditambah rezekinya dengan cara yang tidak disangka-sangka.

Malah sebagai orang yang beriman kepada Allah yang mengurniakan rezeki, kita hanya mampu merancang dan berusaha dan akhirnya segala kehendak dan kemahuan Allah juga yang akan terjadi.

Tuntutan Keimanan

Memiliki kekayaan dan kebebasan kewangan adalah selari dengan tuntutan keimanan. Allah memerintahkan kita membuat pelbagai persiapan dan menyediakan pelbagai kekuatan yang boleh menggerunkan musuh-musuh Allah.

"dan bersiap sedialah kamu dengan kekuatan yang termampu oleh kamu".

(Surah al-Anfal: ayat 60)

Allah juga menawarkan ganjaran syurga kepada orang yang beriman yang sanggup menjual harta dan nyawanya di jalan Allah.

"Mahukah aku tunjukkan kepada kamu tentang perniagaan yang dapat menyelamatkan kamu daripada azab yang pedih?, kamu beriman kepada Allah dan Rasulnya, kamu berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa kamu".

(Surah Al-Sof: ayat 10-11)

Nabi s.a.w menyebut bahawa seseorang yang kaya dan suka bersedekah lebih baik daripada seseorang yang miskin yang memerlukan sedekah.

Berikut adalah maksud hadis-hadis nabi s.a.w. berkenaan kekayaan.

"Tangan yang di atas lebih baik dari tangan yang di bawah".

(Riwayat al-Bukhari dan, Muslim)"

Begitu juga seorang mukmin yang kuat lebih dikasihi Allah, antaranya kekuatan kewangan.

"Orang mukmin yang kuat lebih baik di sisi Allah dan lebih dikasihi daripada orang mukmin yang lemah, dan setiap seorang itu mempunyai kebaikannya ...

(Riwayat Muslim)

Rasulullah s.a.w mengharapkan harta kekayaan berada di tangan orang-orang yang soleh supaya lebih banyak kebajikan dapat dirasai oleh orang-orang yang tidak bernasib baik.

"Sebaik-baik harta, adalah harta yang ada di tangan orang yang soleh."

(Riwayat Ahmad.)

Seorang peniaga yang jujur, amanah setaraf dengan para nabi, siddiqin, syuhada dan solihin kerana peniaga yang benar mewarisi sunnah para nabi, mereka bersifat benar dan jujur setaraf as-siddiq, mereka juga sentiasa bermujahadah terhadap hasutan syaitan dan keinginan nafsu di samping mereka menyempurnakan keperluan-keperluan hidup masyarakat.

"Peniaga yang benar dan amanah akan dibangkitkan pada hari kiamat bersama dengan para nabi, siddiqin dan golongan mati syahid"

(Riwayat al-Tirmizi, bertaraf 'hasan').

Rasulullah s.a.w. juga menjanjikan keampunan kepada umat Islam yang bekerja sehingga kepenatan demi mencari rezeki yang halal dan menunaikan keperluan fardu kifayah ummah.

"Barang siapa pada malam hari merasakan kelelahan kerana bekerja pada siang hari, maka pada malam itu ia diampuni Allah"

(Riwayat Ahmad & Ibnu Asakir)

Dalam hadis yang lain:

"Sesiapa yang tidur dengan keletihan dari kerja tangannya sendiri, ia tidur dalam keadaan diampunkan oleh Allah SWT"

(Riwayat Ibn 'Asakir & At-Tabrani)

Begitu juga sabda rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

"Sesiapa yang memberi nafkah kepada isterinya, anaknya dan ahli keluarganya, maka ia (iaitu nafkah) yang diberikan adalah sedekah"

(Riwayat: Ibnu Majah)

Rasulullah s.a.w meggambarkan satu sikap yang lebih baik ketika hampir kiamat supaya kita teruskan usaha keduniaan kita. Kerana usaha yang memberi manfaat kepada manusia di dunia adalah antara saham yang bernilai untuk negeri akhirat.

"Sekiranya akan berlaku kiamat dan di tangan seseorang kamu sebiji benih, tanamlah ia kerana dengan itu kamu akan beroleh pahala".

(Riwayat: al-Bukhari)

Semua ayat-ayat dan hadis ini menuntut orang beriman berkerja keras, berusaha mencari nafkah dan merebut kelebihan Allah yang tersedia di dunia ini. Semua kekayaan hasil usaha yang halal akan membuka ruang amal-amal yang soleh kepada anda untuk menambahkan bekal ke negeri akhirat.

Tuntutan Beramal Soleh.

Selalunya masyarakat Melayu berpegang bahawa beramal soleh adalah dengan banyak beribadah kepada Allah seperti mengerjakan solat sunat, berzikir, beristighfar, berpuasa, menunaikan umrah dan bersedekah wang ringgit kepada anak-anak yatim dan sebagainya yang berupa mengadakan hubungan dengan Allah.

Sebenarnya pengertian amal soleh lebih luas daripada itu; iaitu memanfaatkan masa, tenaga dan harta yang Allah berikan kepada kita dengan melaksanakan pekerjaan yang memberikan kebaikan kepada orang lain sama ada kecil atau besar.

Sama ada amal-amal lidah atau anggota badan yang lain yang termasuk dalam perkara menghubungkan diri dengan manusia, *"hablun minan nas"* atau kebajikan yang berkaitan dengan manusia atau ibadah khusus kepada Allah, *"hablun minallah"*.

Namun harus diingatkan bahawa kerja-kerja soleh untuk manfaat manusia tidak ada nilainya jika bukan kerana menjaga hubungan dengan Allah. Beribadat melakukan amal hubungan dengan Allah satu tuntutan ibadah manakala berusaha memberi manfaat kepada manusia adalah tuntutan tugas khalifah. Kedua-dua tugas adalah tanggungjawab Allah ke atas manusia di dunia ini.

Masa adalah modal untuk mengumpul pahala dan memperbanyakkan amal kebajikan yang akan memberatkan timbangan amal soleh di akhirat. Usia kurniaan Allah, masa muda, ilmu dan harta yang dimiliki akan dipertanggungjawabkan di akhirat sama ada dimanfaatkan secara soleh atau tidak.

Hidup manusia tidak akan mendatangkan keuntungan di akhirat kecuali mereka beriman, beramal soleh, dan saling menasihati atas kebenaran dan kesabaran.

Amal soleh adalah kerja-kerja yang memberi manfaat kepada diri sendiri dan orang lain. Tanggungjawab yang memberi manfaat kepada diri sendiri adalah melaksanakan tuntutan *fardu-fardu `ain* dan tanggungjawab yang memberi manfaat kepada orang lain adalah tuntutan *`fardu-fardu kifayah.*[3]

Anda boleh mengumpulkan pahala dengan melakukan amal-amal *fardu `ain* dan amalan sunat seperti; banyak berpuasa, banyak bersolat, banyak berzikir, melakukan umrah dan bersedekah.

Selain daripada amal-amal *fardu `ain,* terdapat amal-amal soleh lain yang hukumnya sunat serta harus dan diberi ganjaran pahala oleh Allah kepada pelakunya.

Amalan *fardu `ain* adalah amalan individu dan pahalanya di ganda sepuluh bagi setiap amalan. Amalan *fardu kifayah* digandakan mengikut kebaikan yang dinikmati oleh orang lain hasil kerja yang dilakukan.

Membina masjid contohnya adalah *fardu kifayah* kepada orang yang berkemampuan dan berkemahiran. Tetapi ia menjadi *sedekah jariah* yang pahalanya tidak akan tamat selagi masjid yang didirikan itu masih dimanfaatkan. Begitu juga membina sekolah, hospital, jalan raya, balai raya, kemudahan-kemudahan elektrik, air yang bersih, sistem telekomunikasi, menyediakan pakaian, makanan, perumahan, kenderaan dan sebagainya.

Semuanya ini adalah amal-amal kebaikan yang mendatangkan rahmat, kebaikan dan kesenangan kepada manusia. Manusia yang beriman akan bersyukur kepada Allah dengan nikmat kemudahan yang dirasai dan anda yang terlibat menyediakan kemudahan ini akan mendapat pahala kerana menjadi sebab manusia beriman bersyukur.

Anda perlu sertakan niat yang ikhlas, laksanakan tanggungjawab dengan cara yang terbaik, menepati kualiti yang ditentukan dan bertawakkal kepada Allah. Walaupun anda mengambil upah terhadap usaha yang anda lakukan, anda tetap mendapat pahala keikhlasan dan ketekunan anda melaksanakan tanggungjawab dengan amanah, integriti dan terbaik.

Amal-amal soleh ini lebih mampu dilaksanakan jika anda memiliki modal yang besar, seperti bagi menyediakan kilang kain, kilang pakaian, kilang makanan, kilang bahan binaan, kilang percetakan dan sebagainya yang merupakan keperluan fardu kifayah kepada ummah.

Dengan memiliki kekayaan harta dan perniagaan anda bukan sahaja mampu menunaikan tanggungjawab *fardu kifayah* menyediakan perkhidmatan yang diperlukan ummah tetapi anda juga menyediakan peluang pekerjaan kepada umat.

Sama sahaja pahalanya jika anda berkerja sendiri, makan gaji dengan pihak kerajaan atau swasta. Selagi bidang pekerjaan anda dalam lingkungan menyediakan kemudahan-kemudahan dan kebaikan kepada masyarakat anda dikategorikan melakukan amal-amal soleh.

Namun sudah pasti ganjaran pahala akan bertambah terhadap amalan yang memberikan kebaikan kepada lebih ramai orang. Begitu juga tentu berbeza medan amal-amal soleh yang dilakukan di antara satu medan dengan medan yang lain.

Golongan yang berjihad, mengorbankan nyawa dan harta untuk mendapat pahala syahid dan golongan *murabitun*[4] yang menjadi benteng kepada serangan musuh agama dan negara dijanjikan pahala yang lebih berlipat ganda oleh Allah. Pahala pengorbanan orang *murabitun* walau satu saat akan berkembang sehingga hari kiamat berbanding pahala sedekah jariah akan tamat apabila barang sedekah itu telah musnah.

Hari ini musuh-musuh Islam memerangi umat Islam dalam pelbagai dimensi dan melalui pelbagai media. Mereka cuba mencairkan aqidah ketauhidan dan identiti umat Islam dengan membawa ideologi pluralisme agama, neraca humanisme, budaya liberal dan akhlak hedonisme.

Serangan dilakukan melalui forum-forum dan wacana akademik yang berfikir tanpa piawai yang disepakati ulama dengan membuka hak seluas-luasnya kepada sesiapa sahaja untuk bercakap mengenai agama Islam dan syariatnya atas asas kebebasan bersuara. Mereka juga menggunakan platform parti-parti politik, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya untuk menjauhi manusia daripada jalan yang lurus.

Aktiviti mempertahankan serangan musuh Islam ini, memperkasakan aqidah dan kefahaman umat Islam, menghidupkan budaya hidup Islam dan akhlak-akhlak Islam, membangunkan semula rasa bangga umat Islam dengan Islam, menghilangkan punca-punca perpecahan dalam kalangan mereka dan menyatukan kekuatan persaudaraan, ekonomi dan politik Islam adalah termasuk dalam tanggugjawab jihad di jalan Allah dan *murabitun*.

Semuanya ini adalah medan-medan amal soleh yang memerlukan kekuatan kewangan bagi menggerakkannya.

Amal soleh bukanlah sekadar mengejar pahala melalui ibadah khusus semata-mata; tetapi melalui kerja-kerja kebajikan dan berjihad memartabatkan kekuatan Islam dengan harta dan jiwa. Setinggi-tinggi darjat iman adalah mereka yang menyerahkan nyawanya sebagai syuhada demi memperjuangkan dua kalimah syahadah yang diucapkannya.

Tidak Membebankan Orang Lain dengan Kesusahan Diri Anda.

Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya: "Iman itu ada 70 atau 60 cabang. Yang paling tinggi adalah perkataan 'laa ilaha illallah' (tiada sembahan yang berhak disembah selain Allah), yang paling rendah adalah menyingkirkan gangguan dari jalanan, dan sifat malu merupakan sebagian dari iman." (Riwayat. Al-Bukhari dan Muslim).

Membuang perkara yang boleh menyakiti manusia daripada jalan adalah satu sikap yang positif. Rasulullah s.a.w menyatakan sikap itu adalah serendah-rendah sikap kebaikan orang yang beriman.

Bertindak membuang perkara yang membahayakan manusia adalah sikap proaktif. Ia berpunca daripada wujud perasaan bertanggungjawab, prihatin, tahu menilai baik dan buruk, bebas membuat pilihan dan memiliki daya inisiatif.

Sebaliknya jika sikap seumpama ini tidak wujud dalam diri anda, bermakna anda belum lagi memiliki serendah-rendah ciri seorang yang beriman.

Perkara bahaya belum berlaku tetapi kemungkinan ia akan berlaku yang disedari oleh orang yang beriman menjadikannya melakukan tindakan proaktif untuk menghindarkan orang lain daripada terkena kesakitan.

Orang beriman sentiasa melihat akibat keburukan sesuatu perkara dan bertindak sebelum keburukan itu berlaku berasaskan kaedah *iktibar al maalat.*[5]

Rasulullah s.a.w. menegaskan bahawa serendah-rendah sikap orang yang beriman ialah beliau tidak akan membiarkan keburukan berlaku. Beliau akan bertindak sebelum sesuatu keburukan berlaku. Beliau akan membuang benda yang boleh menyakiti manusia daripada jalan raya.

Itulah perasaan ihsan yang ada dalam dada orang yang beriman. Ihsan menjadikan seseorang yang beriman memiliki sikap yang terbaik. Apabila diberikan kepadanya satu pilihan antara yang baik dan terbaik, beliau akan memilih perkara yang terbaik.

Serendah-rendah iman adalah berusaha mengelakkan manusia daripada disakiti. Meletakkan satu beban ke atas bahu manusia lain samalah dengan menyakiti mereka.

Sekiranya anda tidak merancang pengurusan aset anda dengan baik, kemungkinan anda menimpakan bebanan kewangan kepada waris anda.

Tidak merancang untuk berjaya adalah merancang untuk gagal.

Sengaja tidak menggunakan akal fikiran untuk belajar, memahami dan menguruskan kewangan dengan baik adalah sikap yang perlu dijauhi oleh orang yang beriman. Anda perlu memiliki kebebasan kewangan untuk mengharungi hari-hari persaraan tanpa membebankan orang lain termasuk anak-anak anda dan keluarga anda.

Jika anda mempunyai pilihan untuk meninggalkan keluarga anda dalam keadaan mereka miskin meminta-minta atau kaya yang memberi, mana satukah pilihan anda?

Kematian, ditimpa kemalangan, menghidap penyakit kritikal, pertambahan penduduk, persaingan untuk hidup dan sebagainya adalah suatu realiti.

Apakah anda hanya melihat tetapi tidak cuba memahami kesannya kepada kehidupan anda? Apakah anda tidak perlu berfikir mengenai persediaan yang perlu anda lakukan? Sikap tunggu dan lihat bukanlah akhlak oang yang beriman.

Bersedia Ketika Musibah.

Malang tidak berbau oleh itu sediakan payung sebelum hujan, jangan pula sampai menjadi orang yang apabila terhantuk baru terngadah. Memiliki kebebasan kewangan bererti anda tidak membebankan anak-anak dan saudara mara anda untuk menanggung kos rawatan jika anda ditimpa penyakit kritikal.

Anda tidak membebankan orang lain untuk menyara anda semasa bersara. Anda mampu menyumbang kepada mereka yang memerlukan. Anda mewariskan kekayaan kepada zuriat anda. Anda boleh merancang agar mereka membina empayar kekayaan untuk manfaat Islam.

Adakah anda tahu bahawa kuasa beli RM10 hari ini tidak lagi sama kuasa belinya pada 20 tahun akan datang? Sebagaimana tidak sama kuasa beli nilai RM10 sen pada 20 tahun yang lalu dengan RM 10 sen sekarang. Anda perlu membuat sesuatu untuk menghadapi realiti ini. Anda perlu memiliki kebebasan kewangan.

Mungkin anda ditimpa musibah kemalangan, ditimpa penyakit kritikal diusia muda, ketika anak-anak anda masih kecil yang masih memerlukan sumbangan anda sebagai bapa atau ibu, ketika itu siapakah yang akan anda harapkan membantu anda? Apakah strategi terbaik menghadapi suasana ini? Jika anda tidak berfikir, mencari peluang dan merebut peluang yang ada siapakah yang patut dipersalahkan akibat kelalaian anda ini?

Bersedia Menghadapi Kemerosotan Nilai Wang.

Dengan memiliki kebebasan kewangan anda telah menyediakan sebab dalam menghadapi kemungkinan penyusutan nilai dan kekuatan matawang. Bersedia bermaksud anda sudah membuat perancangan dan melakukan langkah-langkah persediaan yang sewajarnya.

Sejak 50 tahun lalu, nilai mata wang tidak pernah naik atau kuasa beli wang semakin menyusut. Jika pendapatan anda tidak bertambah, simpanan anda tidak mencukupi dan anda tidak memiliki apa-apa aset kewangan, bagaimanakah anda akan menghadapi masa akan datang?

Anda perlu bersikap proaktif merancang ke hadapan dan mendahului masa supaya apabila masanya sudah tiba anda sudah bersedia menunggu dengan persediaan yang mencukupi.

Jika anda membiarkan usia berlalu dan tidak segera bertindak merancang dengan teliti, anda semakin tertinggal. Kemungkinan ketika anda sedar daripada kelekaan, usia anda sudah lanjut, simpanan anda tidak mencukupi, beban masalah bertimbun dan tidak ada sesiapa yang boleh anda mengharapkan pertolongan kerana nasib mereka juga sama seperti anda.

Lihatlah di sekitar anda betapa ramainya ahli masyarakat yang kembali bekerja walaupun sudah sepatutnya bersara dan menumpukan hidupnya menikmati kesenangan hasil usahanya pada masa muda di samping membuat kerja-kerja kebajikan membantu masyarakat dalam bidang pendidikan, kerja-kerja sosial dan sebagainya.

Menjadi Ibu-bapa Hebat.

Anda perlu memiliki kebebasan kewangan jika anda ingin menjadi ibu-bapa yang hebat kepada anak-anak anda. Jika anda mahu menyediakan seluruh kos pendidikan tinggi kepada semua anak-anak anda, anda ingin menyediakan kos perbelanjaan perkahwinan mereka dan anda ingin menyediakan sebuah perniagaan untuk setiap mereka dan anda ingin memiliki empayar kewangan untuk kebajikan keluarga anda.

Zaman akan datang tidak sama lagi dengan zaman hari ini.

Setiap tahun kelahiran bayi seramai melebihi 600,000 orang. Bermakna anak anda akan bersaing dengan 599,999 orang belia lain yang lahir pada tahun yang sama untuk mendapatkan pinjaman kewangan bagi membiayai pengajian tingginya.

Adakah anda yakin anak-anak anda berpeluang mendapat pinjaman pendidikan?

Jika anda tidak bersedia membuat tabungan, membuat pelaburan, mengambil polisi takaful dan seumpamanya bagi menjana kekayaan, anak-anak anda mungkin akan kurang rasa hormat kepada anda terutamanya jika mereka melihat anda mempunyai wang tetapi habis dibelanja kepada perkara yang tidak menguntungkan.

Suatu hari nanti, anak-anak anda juga akan sedar tentang kepentingan merancang kewangan, kepentingan membangunkan aset yang ada, keperluan mengambil peluang dalam sistem yang ada, keperluan mencipta peluang dan sebagainya.

Namun ketika itu segalanya sudah terlambat kerana anda tidak bertindak proaktif semasa anda mampu memilih dan membuat keputusan yang tepat dan mereka terpaksa memulakan langkah pertama dan tertinggal lebih 20 tahun daripada rakan sebaya mereka yang memiliki ibu-bapa yang membuat perancangan kewangan yang betul.

Seorang sahabat bertemu nabi s.a.w. untuk mewasiatkan seluruh hartanya agar diinfaqkan kejalan Allah lalu rasulullah s.a.w. bersabda bermaksud:

"Sepertiga daripada harta kamu dan sepertiga itupun adalah banyak, sesunggunnya kamu meninggalkan waris kaya raya lebih baik daripada miskin meminta-minta".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Merasai Kenikmatan dan Kebahagiaan Hidup.

Memiliki kebebasan kewangan adalah satu keperluan hidup; anda menikmati kebahagian dan kepuasan hidup sebagai hamba Allah, anda tidak membebankan anak-anak dan keluarga anda sekiranya anda ditimpa musibah dan anda berbahagia kerana menjadi sebab kebahagiaan orang lain. Tidak ada kebahgiaan yang lebih indah daripada melihat orang lain bahagia dengan sebab usaha dan pengorbanan diri anda.

Rasulullah s.a.w, bersabda bermaksud:

"Orang beriman itu bersikap ramah dan tidak ada kebaikan bagi seorang yang tidak bersikap ramah. Dan sebaik-baik manusia adalah orang yang paling bermanfaat bagi manusia."

(Riwayat al-Thabrani dan al-Daruquthni)

Kebebasan kewangan memerlukan kepada usaha yang terancang, tindakan yang betul, efisyen dan istiqamah. Kebebasan kewangan bermula dengan kemahuan, niat, usaha dan komitmen.

Anda akan rasa bersyukur dan puas apabila mampu menggunakan segala nikmat anugerah Allah yang berupa kesihatan badan, kesejahteraan pancaindera dan harta benda untuk berbakti kepada agama dan masyarakat.

Menyediakan Peluang Pekerjaan.

Anda perlu memiliki kebebasan kewangan sekiranya impian hidup anda untuk mendapat pahala melalui menyediakan peluang pekerjaan kepada jutaan umat Islam di dunia ini. Sekurang-kurangnya anda mampu menyediakan modal perniagaan kepada anak-anak anda.

Lihatlah syarikat-syarikat Honda, Mitsubishi, Toyota, Apple dan sebagainya berapa banyak peluang pekerjaan yang disediakan oleh mereka. Jika seorang Muslim melakukan perkara yang sama apakah ia tidak menjadi sebahagian sahamnya di negeri akhirat? Sudah tentu jawabannya ya.

Bagaiamanakah masa depan bangsa akan berubah jika sikap anda sebagai ibu bapa tidak berubah? Kebanyakan golongan yang kaya-raya hari ini adalah disebabkan pengorbanan nenek moyang mereka terdahulu.

Jika anda tidak berubah sikap, tidak membuat perancangan kewangan yang betul dan mengambil langkah-langkah positif untuk mengkayakan anak-cucu anda, maka nasib keturunan anda tidak akan berubah.

Generasi akan datang akan menjadi lebih baik sekiranya generasi hari ini melakukan semua perkara berasaskan perancangan yang teliti. Generasi hari ini perlu menggariskan agenda masa hadapan keluarganya ataupun meneruskan agenda keluarga yang diasaskan oleh generasi terdahulu.

Cabaran masa hadapan tidak seperti yang dihadapi oleh generasi hari ini. Penduduk semakin bertambah, anggota masyarakat semakin bijak dan persaingan merebut jawatan semakin sengit maka anda perlu mempelbagaikan pilihan peluang kepada generasi akan datang. Sekiranya anda berjaya membangunkan aset yang anda miliki melalui perancangan yang baik maka anak-cucu anda pada masa hadapan akan mendapat peluang pekerjaan yang telah anda sediakan.

Anda boleh melihat berapa ramai jutawan hari ini menjadi jutawan melalui pelbagai industri dan berapa ramai orang yang mendapat pekerjaan melalui industri yang dimiliki oleh mereka.

Membangunkan Tamadun Ummah

Anda perlu memiliki kebebasan kewangan dan memerlukan dana yang besar untuk membangunkan semula dunia Islam yang hancur dalam peperangan atau anda mahu menjadi manusia paling berkuasa di dunia ini. Memiliki kebebasan kewangan adalah matlamat sebenar yang ingin dicapai melalui perancangan, pengurusan dan pengembangan aset.

Rasulullah s.a.w. menyatakan Islam akan bangkit semula di akhir zaman. Sudah tentu kebangkitan Islam di akhir zaman disebabkan ada umatnya yang berjuang dan berkorban. Saya percaya perjuangan di zaman moden memerlukan modal yang besar. Umat Islam perlu memiliki kekuatan yang setara dengan kekuatan penentang mereka. Jika anda ingin menjadi salah seorang yang menyebabkan berlakunya kebangkitan Islam, anda boleh melakukannya dan antaranya melalui persediaan kekuatan kewangan.

Semua perjuangan memerlukan dana kewangan. Di zaman nabi s.a.w. antara 10 orang yang digembirakan syurga adalah 8 orang atau lebih sahabat yang bertaraf jutawan yang menginfaqkan harta mereka di jalan Allah.

Mereka adalah Abu Bakar as Siddiq, Umar al Khattab, Uthman bin Affan, Abdul Rahman bin `Auf, Talhah bin Abdullah, Abu Ubaidillah bin Jarrah, Zubair bin Awwam, Saad bin Abi Waqqas dan Said bin Zaid.

Rasulullah s.a.w dan isteri baginda ummul mukminin Khadijah binti Khuwailid adalah golongan bangsawan Arab Quraisy yang memiliki kekayaan melalui perdagangan. Baginda dan isteri telah menunjukkan teladan dalam menginfaqkan harta di jalan Allah.

Jika impian anda ingin mencontohi generasi sahabat ini, inilah niat yang baik dan impian agung yang boleh anda lakukan dengan memiliki kekayaan dan kebebasan kewangan.

Keuntungan Di Akhirat

Manakah lebih besar ganjaran pahala? Manusia yang hidup untuk dirinya atau manusia yang meninggalkan dunia ini dengan pelbagai kebaikan yang ditinggalkan? Percayalah anda mampu menyusun sebab yang membawa kebaikan kepada manusia lain sekiranya anda tidak membataskan impian hidup anda.

Perbezaan anda antara orang yang berjaya dan yang gagal ialah ketiadaan niat, kesungguhan, keazaman, dan sikap. Jika anda mempunyai impian dan niat, diikuti dengan kemahuan yang berkobar-kobar dengan keazaman yang tidak luntur dan mula melaksanakan sikap dan tindakan yang positif, anda telah melakukan perkara yang betul.

Kejayaan hidup di akhirat bergantung kepada keampunan dan ganjaran kebajikan yang dikurniakan Allah kepada usaha dan pengorbanan seorang hamba. Allah akan belas kasihan kepada hambanya yang mengorbankan usia, tenaga, harta dan nyawa semata-mata untuk menjadi sebab terlaksananya rahmat Allah kepada manusia dan alam.

Amirul Mukminin, Umar al-Khattab berkata, aku telah mendengar rasulullah s.a.w. bersabda bermaksud:

“Sesungguhnya setiap pekerjaan bergantung dengan niat dan sesungguhnya bagi setiap orang apa yang diniatkannya...”

(Riwayat: al-Bukhari dan Muslim)

Sudah tentu seorang hartawan yang soleh lebih mampu menyumbang lebih banyak daripada orang soleh yang tidak memiliki harta. Sekiranya anda boleh memilih dan berusaha menambahkan kekayaan dunia kenapa anda tidak mencuba?

Berfikirlah untuk memberikan kebahagiaan kepada orang lain, nescaya hidup anda akan berjaya dan bahagia, dunia dan akhirat.


"Kemiskinan bukanlah mereka yang gagal merealisasikan impian tetapi kemiskinan adalah mereka yang tidak memiliki sebarang impian."

Dr Abdul Hakeem Samarah, Ketua Hakim Mahkamah Rayuan Syari`ah, al-Quds.

Bab 4

Konsep Perancangan Kewangan.

Piramid Perancangan Kewangan



KONSEP PERANCANGAN KEWANGAN.

Perancangan kewangan bermaksud menyediakan plan kewangan yang komprehensif untuk mencapai objektif-objektif berikut; memiliki perlindungan pendapatan yang mencukupi akibat kematian, hilangupaya kekal menyeluruh dan ditimpa kematian pra matang; mengembangkan aset untuk mencapai kebebasan kewangan; menyediakan dokumen agihan aset untuk mengelakkan kebekuan aset dan pemindahan harta secara objektif.


Semua pakar perancangan kewangan menyusun pyramid kewangan seperti gambarajah ini. Perancangan kewangan akan disusun daripada bawah dan tidak meninggalkan puncaknya supaya perancangan menjadi stabil dan cantik.

P = Adalah “protection” iaitu perlindungan atau “back up” kepada kewangan sesebuah keluarga. Setelah kewangan keluarga terjamin dengan perlindungan yang mencukupi barulah merancang untuk A= “Accumulate wealth ”, mengumpul kekayaan sehingga mencapai kebebasan kewangan atau mewariskan legasi kewangan kepada generasi akan datang.

Manakala D = adalah distribution atau agihan kekayaan yang dilakukan sebelum seseorang itu meninggal dunia.

Kini di anggarkan lebih 60 billion harta umat Islam beku dan tidak diagihkan kepada waris. Kegagalan menguruskan pengagihan harta yang dikumpul menjadikan anak-cucu tidak dapat mengambil manfaat sewajarnya daripada penat lelah ibu bapa mereka. Hukum faraid adalah salah satu cara agihan harta iaitu apabila seseorang gagal melakukan hibah dan wasiat semasa hidupnya. Bertindak menguruskan agihan harta sebelum meninggal dunia akan mengelakkan perbalah dikalangan waris dan harta dimanfaatkan sebagai sedekah jariah.

Kenapa Anda Perlukan Income Protection.




Gambarajah ini menggambarkan realiti kehidupan dan kewangan kebanyakan ahli masyarakat. Hanya 10% dikalangan mereka yang hidup mewah hasil peninggalan legasi nenek moyang mereka yang bijak menguruskan kewangan.

Baki 90% ahli masyarakat hidup dalam keadaan cukup makan dan kemiskinan. Bukankah Allah itu Maha Adil, kenapa hanya 10% orang yang mewah? Apakah keadaan ini suatu takdir yang tidak boleh di ubah?. Apapun tanggapan anda, cuba fikirkan apa yang saya akan jelaskan.

Kebanyakan ahli masyarakat akan berada dalam keadaan cukup-cukup makan jika mereka memilih untuk menerima keadaan tersebut dan tidak berusaha mengubahnya. Keadaan mereka akan berpindah ke bawah, atau jatuh miskin sekiranya dahan tempat bergayut itu patah dengan perkataan yang lebih jelas, hilang upaya berkerja, ditimpa penyakit kritikal atau meninggal dunia. Kita tidak boleh mengubah ajal yang telah ditentukan Allah. Kita juga tidak boleh mengelak kemalangan yang menimpa dan menjadikan kita lumpuh atau meninggal dunia.

Sebaliknya kita boleh mengelak daripada membiarkan keluarga berubah menjadi miskin, hilang punca pendapatan dan terpaksa meminta belas kasihan orang sekiranya dahan tempat bergantung itu dengan menyediakan perlindungan takaful. Dengan sebab kematian atau lumpuh seorang yang menyara keluarganya dan memiliki sijil takaful, keluarganya akan dapat sumbangan sara hidup yang mencukupi selain daripada hutang rumah dilangsaikan oleh pihak takaful.



Sanggupkah anda, jika Roh anda datang menziarahi anak dan isteri anda dan melihat mereka dalam keadaan daif, miskin dan meminta-minta sedangkan semasa hidup anda mempunyai lebihan wang yang mampu untuk menyediakan sijil perlindungan pendapatan yang mencukupi.

Bagaimana sekiranya hutang pelajaran anda, hutang kereta anda, hutang pembiayaan perniagaan anda dan hutang peribadi anda masih belum langsai sepenuhnya. Sanggupkah anda gagal masuk kesyurga sehingga semua beban hutang anda dilangsaikan di akhirat sana?.

"Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kamu kepada Allah, dan hendaklah setiap orang kamu memikirkan apakah yang telah di sediakan untuk hari esok dan bertakwalah kamu kepada Allah.." Surah al-Hasyr.

Sekiranya anda meninggal dunia esok, adakah anak dan isteri anda memiliki sumber kos sara hidup yang mencukupi? Sudahkah anda sediakan dana untuk melangsaikan segala hutang anda? Sudahkah anda menyediakan dana untuk pendidikan anak-anak anda? Bagaimana perasaan anda sekiranya setiap anak-anak anda mendapat pampasan seorang RMsejuta atau seratus ribu, disebabkan kematian atau anda kelihalangan kemampuan berkerja akibat lumpuh dan sebagainya?.

Tahukah anda segala-galanya ini boleh selesai dengan satu sijil takaful?.

Faedah Menyertai Takaful

Dengan memiliki perlindungan takaful anda sebenarnya telah menunaikan tanggungjawab anda:

1. Menyediakan dana kos sarahidup isteri dan anak-anak.
2. Menyediakan wang yang cukup untuk membayar hutang.
3. Membantua anak-anak yatim dan wanita yang kematian suami.
4. Membantu membayar kos rawatan hospital rakan peserta.
5. Menabung untuk keperluan persaraan, haji dan umrah
6. Anda bertawakkal dengan cara yang sebenar.
7. Jiwa anda akan tenang dan harta anda akan berkat.
8. Anda tidak lagi bakal membebankan isteri dan anak-anak anda untuk sara hidup mereka dan melangsaikan hutang-hutang anda.
9. Anda boleh mewasiatkan sebahagian wang untuk sedekah jariah.
10. Anda telah menyumbang kepada kekuatan ekonomi umat Islam.

11. **Jika wang anda berlebihan dan anda tidak salurkan wang anda ketabung takaful, wang anda akan dimanfaatkan oleh institusi lain juga tetapi institusi selain takaful takaful tidak akan membantu kewangan keluara anda.**



Bagaimana Sikap Kaum Cina dan India.

Rekod BNM menunjukkan setiap tahun lebih RM900 juta wang berpindah daripada tabung takaful dan insuran kepada anak-anak orang Cina dan India. Dengan wang pampasan takaful dan insuran keluarga mereka membina legasi kekayaan untuk anak-cucu mereka dengan wang tabung khairat.

Sejak 80 tahun lalu syarikat insuran sudah bertapak di Malaysia. Cuma ia tidak dipandang oleh umat Islam kerana hukumnya haram. Walaupun pada tahun 1984 akta takaful digubal dan syarikat Takaful Malaysia memulakan operasi industry takaful yang Islamik hingga kini selepas lebih 35 tahun hanya 17% penyumbang ke tabung takaful dan insuran datang daripada bangsa Melayu.

Orang Melayu lambat berubah, lambat mengambil peluang dan masih memandang negative mengenai takaful. Mereka belum menjadikan takaful sebagai satu peluang membina aset kekayaan dan meninggalkan legasi kewangan kepada anak-cucu mereka.Adakah anda benar-benar yakin akan hidup sehingga selepas umur 88 tahun.?

Tahukah anda bahawa untuk mengumpul dana sebanyak RM1.5 juta, anda perlu melabur secara tetap sebanyak RM24,000 setahun ke dalam sebuah dana yang memberi pulangan 7% selama 25 tahun?

Di takaful anda hanya perlu menyumbang sebanyak RM24,000 setahun dan keluarga anda sudah mempunyai jaminan kewangan RM1 juta sertamerta jika anda meninggal dunia atau lumpuh akibat kemalangan dan selepes 120 hari jika anda meninggal akibat sakit.

Takaful Adalah Penciptaan Aset dan Legasi Kewangan.


Cuba anda bertanya kepada 10 orang bapa keturunan Melayu berumur 35 hingga 40 tahun, berapakah simpanan tunai anda di mana-mana bank atau tabung?

Anda akan terkejut, bahawa hampir semua tidak memiliki simpanan sara hidup sekurang-kurangnya setahun gaji. Kemudian anda bertanya adakah perlindungan takaful anda mampu menyara isteri dan anak-anak anda untuk tempoh sepuluh tahun akan datang? Anda akan dapati kebanyakan yang ada takaful hanya melindungi antara 100 hingga 300 ribu sahaja. Jika keperluan keluarganya 36,000 setahun beliau memerlukan sekurang-kurangnya 360,000 untuk sepuluh tahun.

Nenek moyang kita dahulu menebas hutan berpuluh-puluh ekar seorang kerana ingin mewariskan tanah-tanah kepada anak-cucunya.

Kini zaman telah berubah, jika anda tidak mampu meninggalkan rumah sebuah seorang sekurang-kurangnya anda meninggalkan sijil takaful dengan nilai RM100,000 untuk setiap anak-anak anda. Cuba bayangkan perasaan anda jika dengan kematian ibu-bapa anda, mereka juga meninggalkan wang bernilai RM100,000 untuk setiap anak-anaknya atau sebaliknya mereka mungkin meninggalkan hutang-hutang yang belum dilangsaikan.

Atau bayangkan sekiranya anda mewariskan sijil takaful bernilai RM1 Juta dan melantik seorang anak anda untuk mengembangkannya menjadi sebuah empayar kewangan untuk anak-cucu anda. Sudah pasti generasi bangsa kita akan berubah berbanding generasi yang telah lalu.



Analisa Kekuatan dan Kelemahan Kewangan

Setiap anda sudah biasa melakukan analisa SWOT untuk syarikat atau organisasi anda. Anda sudah biasa menggariskan kekuatan dan kelemahan disamping ancaman dan peluang. Anda sudah biasa menggunakan kekuatan organisasi dan digabungkan dengan peluang untuk menghadapi ancaman atau mengatasi kelemahan yang ada.

Konsepnya sama dengan kewangan anda. Kelebihan budget bulanan setelah ditolak perbelanjaan yang wajib adalah kekuatan anda. Sebelum anda berbelanja terhadap perkara haram, makruh, harus dan sunat anda perlu agihkannya untuk memiliki perlindungan takaful yang boleh menyara kehidupan isteri dan anak-anak anda sekiranya anda ditimpa musibah esok hari sehingga isteri anda meninggal dunia disamping untuk melangsaikan hutang-hutang anda.

Instrumen Hartanah dan Saham.

Salah satu cara untuk mengumpul kekayaan adalah melalui pelaburan. Namun persaraan adalah keperluan akan datang yang juga berkemungkinan anda tidak sempat hidup atau sihat hingga bersara.

Jika anda memilih melabur dalam instrument hartanah anda perlu faham bahawa anda perlu membayar interest loan, sebaliknya sekiranya anda mengambil sijil takaful anda sebenarnya juga menabung sebahagian sumbangan anda dan mendapat dividen.

Sekiranya anda membeli rumah berharga RM400,000 dan tempoh bayaran balik selama 20 tahun anda perlu membayar lebih RM2400 sebulan. Tetapi sekiranya anda memiliki sijil takaful bernilai RM1juta sehingga umur 88 tahun anda hanya perlu menyumbang sebanyak RM2000 sebulan. Mungkin anda menjangka hartanah itu akan mencapai nilai 1 juta selepas 20 tahun, tetapi ia tetap terdedah kepada risiko kerosakan, kawasan yang sudah tidak menjadi pilihan dan sebagainya. Mungkin juga anak-anak anda akan membiarkannya kerana tiada wang untuk kos baik pulih atau keperluan membayar premium pindah milik yang tinggi.

Pasaran unit saham juga mempunyai risiko kejatuhan harga. Mungkin semasa anda benar-benar memerlukan wang tunai untuk keperluan pendidikan anak-anak dan sebagainya waktu itu nilai saham sedang jatuh dan saham anda sedang rugi.

Dana Pendidikan Tinggi



Anak adalah amanah Allah. Kejayaan mendidik anak menjadi orang yang berjaya adalah satu kepuasan kepada ibu bapa. Itulah impian setiap keluarga. Namun kos pendidikan akan datang semakin mahal dan kita hanya ada dua pilihan.

Menabung dan mendapat keuntungan dividen disamping ada perlindungan takaful untuk anak dan pembayar atau membiarkan anak anda berhutang dan membayar interest.

Ibu bapa bijak dan prihatin akan memilih pilihan pertama. Itulah sikap bangsa-bangsa lain. Anak yang bijak akan menyimpan wang takaful atau memulakan perniagaan. Keuntungan perniagaan digunakan untuk pembiayaan pengajiannya. Maka dia akan memilih bidang pengajian yang boleh membantu mengembangkan perniagaannya. Selepas tamat belajar dia akan mampu memajukan lagi bidang keusahawannya.

Setelah selesai membaca kisah kita ini bertindaklah segera untuk bertemu doctor kewangan anda. Mereka akan sama-sama menganalisa kesihatan kewangan anda dan mencadangkan rawatan yang sesuai dengan kemampuan dan objektif anda.

Pengurusan Risiko Kewangan

Risiko kewangan bermaksud, hilang punca pendapatan disebabkan kematian, ditimpa penyakit kritikal atau hilang upaya kekal menyeluruh. Inilah dinamakan scenario risiko terburuk dalam sesebuah keluarga. Mereka hilang tempat bergantung yang bekerja menyara kehidupan mereka.

Ajal maut dan kemalangan adalah sesuatu yang tidak boleh di duga. Kita hanya mampu berusaha mengurangkan kesan buruk akibat scenario ini.

Terdapat empat pilihan dalam menguruskan risiko kewangan ini iaitu; menerimanya dengan rela, mengelakkannya daripada terjadi, mengurangkan bebanannya atau berkongsi bebannya bersama masyarakat.

Institusi takaful di wujudkan bertujuan menjadi tempat masyarakat berkongsi beban kewangan akibat menghadapi scenario terburuk, bak kata pepatah yang ringan sama dijinjing dan yang berat sama dipikul. Selain anda mendapat pahala tabarru anda mendapat jaminan kewangan yang cukup untuk keperluan anda dan keluarga anda. Anda boleh mewasiatkannya untuk dijadikan sedekah jariah sebagai saham kehidupan anda diakhirat.

Kerjaya Sebagai Perunding Kewangan Takaful

Perunding kewangan berperanan menasihati pelanggan agar mengagihkan pendapatannya mengikut keperluan yang betul; Iaitu menyediakan perlindungan dasa sarahidup sehingga bersara, menyediakan tabung perlindungan pembiayaan rawatan hospital, menyediakan dana persaraan dan pendidikan tinggi anak-anak.

Setiap ahli masyarakat perlu mengagihkan pendapatannya untuk menyelesaikan 6 perkara terpenting selepas perbelanjaan hidup seharian.

Setiap ahli masyarakat memerlukan sekurang-kurangnya 6 perkara:

1. **Perlindungan kos sarahidup yang mencukupi.**
2. **Perlindungan kos pembiayaan rawatan hospital.**
3. **Perlindungan dana melangsaikan hutang.**
4. **Perlindungan dana pendidikan anak**
5. **Pelaburan dana persaraan**
6. **Perancangan agihan aset kepada isteri dan anak-anak.**

Tugas Perunding Kewangan.

Berdasarkan keperluan kewangan ini tugas perunding kewangan adalah memberi nasihat yang wajar bertepatan dengan keperluan dan kemampuan pelanggan dan memberikan cadangan yang sesuai sebagai persediaan menghadapi situasi terburuk kewangan pelanggan; iaitu ditimpa penyakit kritikal, hilang upaya kekal dan meninggal dunia sebelum usia matang dimana hutang-hutang sudah langsai, dana persaraan mencukupi dan kos rawatan hospital sudah tersedia.

Untuk itu seorang perunding perlu mendapatkan maklumat kewangan yang tepat daripada pelanggannya supaya satu analisa yang tepat dapat dijalankan dan cadangan penyelesaian boleh dikemukakan dengan tepat.

Data-Data Yang Diperlukan

Aset:

1. **Pendapatan tahunan**
2. **Nilai aset-aset kewangan yang tersedia**
3. **Nilai aset tidak alih**
4. **Jumlah perlindungan takaful yang ada**

Liabiliti

1. Jumlah tanggungan (kos sarahidup setahun)
2. Baki hutang-hutang berjadual
3. Kos pendidikan semasa
4. Kos rawatan hospital semasa.

Mengira Perlindungan Kos Sarahidup

Apabila sesorang itu meninggal dunia, lumpuh atau ditimpa penyakit kritikal maka beliau akan kehilangan pekerjaan sekaligus kehilangan pendapatan. Persoalannya adakah aset kewangan yang ada mampu menanggung seluruh kos sarahidup, hutang, pendidikan anak-anak dan pembiayaan rawatannya?

Berapakah kos sebenar diperlukan setelah ditolak dengan aset tunai dan pendapatan daripada aset tidak alih? Kos inilah nilai perlindungan kos sarahidup atau keperluan yang perilu dilindungi.

(Jumalah nilai aset) — (jumlah liability) = jumlah dana yang perlu ditakafulkan.

Mencadangkan produk yang sesuai dengan keperluan dan kemampuan.

Pakar kewangan mencadangkan sejumlah 10% daripada pendapatan keluarga digunakan untuk mengambil sijil-sijil takaful yang diperlukan ikut keutamaan.

Sekirannya suami dan isteri berkongsi pendapatan untuk menyara kehidupan maka setiap punca pendapatan ini perlu dilindungi supaya gayahidup keluarga dapat diteruskan apabila salah seorang daripada mereka ditimpa musibah.

Kajian Kes

Amin dan Aminah masing-masing berumur 30 tahun, pasangan suami isteri dan memiliki 3 orang anak berumur setahun, tiga dan lima tahun. Masing-masing mereka mempunyai pendapatan tetap RM4000 sebulan sebagai eksekuti disebuah syarikat minyak swasta. Mereka mempunyai simpanan KWSP bermula sejak 5 tahun yang lalu dan masih menaggung hutang kenderaan dan pendidikan yang bernilai RM200,000.

Apakah cadangan terbaik untuk mereka.

Analisa Kekuatan Kewangan.

Aset.

1. Pendapatan tahunan 48,000 seorang keluarga (96,000) setahun
2. KWSP RM96,000.
    1. Adalah dicadangkan mereka memperuntukkan 20% daripada pendapatan tahunan untuk pelaburan pendidikan dan persaraan dan perlindungan takaful. (19,200) setahun.

Liability.

1. Sarahidup 36,000 setahun
2. Pinjaman kenderaan 6000
3. Pinjaman pendidikan 12,000

Jumlah liability tahunan = 54,000

Kekuatan kewangan = 42,000

Analisa keperluan Perlindungan Keperluan

1. **Keperluan sarahidup hingga umur 50 (36,000 X 20) = 720,000.**
2. **Baki hutang 200,000**
3. **Jumlah keperluan perlindungan adalah = RM920,000**

Aset – liability = jumlah perlindungan.

Sekiranya lebihan kewangan 42,000 disimpan selama 5 tahun maka aset tunai sebelum dividend dan zakat adalah 306,000 + KWSP 96,000 maka aset sedia ada adalah 402,000.

Maka perlindungan keperluan adalah 920,000 — 402,000 = 518,000 atau 259,000 setiap orang.

Disebabkan berlaku kenaikan kos sarahidup kerana faktur inflasi maka dicadangakan perlindungan dinaikkan 3% untuk tempoh 10 tahun maka perlindungan yang terbaik adalah RM 350,000 setiap orang.

Mereka juga perlu menyediakan plan perubatan bersama sijil perlindungan keperluan hidup.

Dana Pendidikan

Daripada membiarkan anak-anak mula berhutang diusia 18 tahun untuk pendidikan tinggi mereka dan terpaksa membayar interest lebih baik dicadangkan mereka menyediakan dana pendidikan untuk setiap anak-anak mereka.

Untuk anak berumur 5 tahun maka tempoh matang simpanan adalah selepas 13 tahun. Jika dana pendidikan diperlukan sebanyak RM60,000 maka beliau perlu menyimpan sejumlah RM3400 setahun, untu k anak umur 3 tahun sebanyak, RM2800 setahun dan untuk anak berumur setahun sebanyak RM2400 setahun.

Dana Persaraan

Sekiranya mereka ingin bersara di usia 50 tahun dan inginkan dana mencukupi sehingga umur 80 tahun, berapakah dana mereka perlu sediakan semasa bersara jika mereka ingin berbelanja sebanyak RM36,000 setahun?

Jika RM36,000 setahun adakah kuasa belinya sama selepas 20 tahun. Apakah cukup dana RM36,000 ketika itu jika keperluan hidup mereka masih sama.?

Sebenarnya dengan kadar inflasi 3% setahun selepas 20 tahun dana yang mereka perlukan untuk keperluan yang sama akan meningkat kepada RM65,020 setahun atau 1.95 juta lebih untuk tempoh 30 tahun.

Untuk tujuan persaraan mereka perlu memperuntukkan sekurang-kurangnya 25,000 setahun untuk pelaburan ke dalam dana yang memberi pulangan dividen 7% setahun.

Hibah

Satu aspek penting supaya mereka menikmati ketenangan jiwa selepas meninggal dunia adalah menguruskan pembahagian aset kepada isteri dan anak-anak secara hibah mengikut keperluan mereka.

Sijil takaful mempunyai akad hibah bersyarat dimana seluruh wang perlindungan dan nilai simpanan boleh dihibahkan kepada waris. Dengan akad hibah ini para waris tidak lagi perlu melantik pengurus harta untuk menguruskan pembahagian harta tunai di dalam sijil takaful kerana wang takaful akan diserahkan kepada waris yang dinamakan, bebeza wang simpanan di bank, saham amanah dan lainnya memerlukan proses pelbagai untuk memungkin waris menerima wang simati daripada Amanah Raya Berhad.

Proses-Proses Menuntut Wang Di Bank Oleh Waris

Tanpa hibah dan wasiat bersyarat dalam sijil takaful waris perlu melakukan perkara-perkara berikut untuk menuntut wang peninggalan simati.

1. **Mengumpul semua dokumen; surat daftar kematian, salinan kad pengenalan, sijil nikah, penyata-penyata bank dan semua akaun saham dan tabung.**
2. **Membuat afidavit untuk memohon surat faraid di Mahkamah Syariah.**
3. **Menghadiri perbicaraan di Mahkamah Syariah untuk menentukan waris sah si mati dan menunggu surat Faraid.**
4. **Membawa surat Faraid dan semua dokumen ke Amanah Raya Berhad untuk proses pengeluaran.**
5. **Menunggu surat Amanah Raya Berhad.**
6. **Jika aset tunai melebihi RM2 juta, tuntutan hedaklah dilakukan di Mahkamah Tinggi.**

Biodata Penulis.

Seorang perunding kewangan takaful mampu mengelakkan bebanan waris dengan mengagihkan sebahagian wang tunai ke akaun simpanan atau pelaburan di takaful selain daripada tugas asasi mereka menawarkan pilihan terbaik dengan memiliki perlindungan pendapatan yang mencukupiuntuk menampung kos sarahidup keluarga, kos pendidikan anak-anak dan kos rawatan hospital seisi keluarga.



21 tahun pengalaman dalam industri perundingan kewangan takaful.

Annuar bin Salleh, dilahirkan pada 16 Mei 1966 di Kg. Batu Hampar, Bedong Kedah. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaaan Bukit Meriam, Kota Kuala Muda Kedah seterusnya melanjutkan pengajian di Maktab Mahmud Alor Setar daripada tahun 1979 hingga 1981.

Pada tahun 1982 beliau menyambung pengajian di Kolej Islam Klang hingga tamat STPM pada tahun 1985. Pada tahun 1986 beliau mengambil sijil di Madrasah al Nahdhah Bukit Besar untuk mendapatkan sijil yang melayakkannya menyambung ke Universiti al-Azhar.

Beliau memasuki Universiti al-Azhar Kaherah, pada bulan Oktober 1985 dan menamatkan ijazah Syariah pada tahun 1990. Pada tahun 1991 beliau menyambung pengajian di Pusat Pengajian Tinggi Maahad al-Baquri sehingga 1994. Awal tahun 1995 beliau mula berkhidmat di Malaysia sebagai guru.

Pada tahun 1996 hingga 2003 beliau berkhidmat dalam syarikat latihan pembangunan sumber manusia. Beliau berpengalaman menterjemahkan buku-buku Arab ke Bahasa Melayu dan menulis buku berkaitan agama Islam, menjadi penceramah agama dan motivasi.

Pada tahun 1999 beliau menyertai Takaful Nasional Sdn Bhd sebagai perunding takaful, kini menjadi kumpulan Maybank dan ditukar nama kepada eTiQa Takaful. Semasa dalam industri kewangan takaful bersama kumpulan Maybank beliau berjaya mendapat beberapa anugerah cemerlang antaranya; Anugerah Achiver Club, Anugerah Producer Club, Anugerah President Club dan Anugerah Pencapaian 10 Jualan Tertinggi, yang melayakkan beliau dilantik menjadi Pengarah Agensi pada tahun 2009.


Kini beliau adalah Pengarah Agensi Al-Itqan Wealth Resources yang menyediakan khidmat kursus motivasi, merekrut wakil-wakil eTiQa Takaful, menerbitkan buku-buku motivasi dan khidmat perunding kewangan takaful.

1. Annuar Salleh, 5 Prinsip Kejayaan Identiti Kelas Pertama, al-iTQan Wealth Resources, cetakan 2016. ↑
2. **Ibid, m.s. 44** ↑

3. ***Fardu `ain*** **adalah kewajiban syarak ke atas setiap individu dan** ***Fardu Kifayah*** **adalah kewajiban syarak yang perlu dipikul oleh umat Islam secara kolektif.** ↑

4. ***Murabithun*** **adalah tentera Islam yang berada di sempadan Negara mempertahannya daripada pencerobohan musuh.** ↑

6. ***Iktibar al maalat*****, ialah mengambil kira kesan yang akan berlaku pada masa akan datang dalam mewajibkan sesuatu perkara atau mengharamkannya.** ↑



Perubahan minda adalah langkah pertama untuk mengubah kehidupan, kerana minda yang positif melahirkan perasaan yang positif. Perasaan positif akan meransang sikap yang betul dan cemerlang. Sikap yang betul dan cemerlang akan melahirkan tingkah laku dan tindakan yang betul. Tindakan dan tingkah laku yang betul akan menghasilkan natijah matlamat yang diharapkan

Ebook ini di edit menggunakan Aplikasi Designrr.

Anda boleh menggunakan aplikasi ini dengan menjadi ahli.

Sila Klik link Ini